

KAJIAN SOSIOEKONOMI PENDUDUK KETURUNAN SIAM DI KAMPUNG
TANJUNG, MUKIM PEDU, PADANG TERAP, KEDAH.

Oleh:

Chalar a/ Endin Prom

Latihan **Ilmiah Ini** Dikemukakan **Untuk** Memenuhi **Sebahagian** Daripada Syarat-Syarat
Bagi Ijazah Sarjana Ekonomi

Sekolah Ekonomi

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2000/2001



Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

CHALAR A/L ENDIN PROM

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Ekonomi

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/ her project paper of the following title)

KAJIAN SOSIO-EKONOMI PENDUDUK KETURUNAN SIAM DI KAMPUNG TANJUNG,
MUKIM PEDU, PADANG TERAP, KEDAH

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor) : Prof. Madya Dr. Razak bin Chik

Tandatangan
(Signature) :

Tarikh
(Date) :

2/10/2000

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini disempurnakan adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat pengajian lepasan ijazah, Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju sekiranya pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia menyimpan dan menjadikan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, sama ada sebahagian atau keseluruhan daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah atau daripada saya sendiri. Sebarang penyeliaan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan kebenaran membuat salinan atau kegunaan lain samada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Kajian **ini dilakukan** di Kampung **Tanjung, Mukim** Pedu dalam daerah Padang Terap di negeri Kedah. Kampung **Tanjung ini** dipilih sebagai kawasan kajian kerana **ia** merupakan sebuah kampung masyarakat Siam yang mengalami **banyak** perubahan terutamanya dari segi pembangunan ekonomi dan **infrastruktur**. **Kajian ini** bertujuan **untuk** melihat keadaan sosioekonomi masyarakat Siam, **khususnya** di Kampung **Tanjung** yang telah mengalami proses asimilasi. Secara umumnya masyarakat Siam di kampung **ini** mempunyai **bentuk** sosioekonomi yang tersendiri. **Misalnya, ciri-ciri** sosioekonomi yang diamalkan sejak zaman **datuk** nenek mereka masih diamalkan oleh sebahagian penduduk. Bagaimanapun masyarakat Siam **juga** mengalami perubahan terutamanya **pada** golongan **muda** akibat **pengaruh pendidikan**, hubungan dengan dunia **luar** dan sikap mereka **sendiri** yang inginkan kemajuan setanding dengan masyarakat lain di negeri Kedah. Selain daripada itu kajian **ini** bertujuan **melihat** aktiviti-aktiviti ekonomi yang mereka jalankan seperti penanaman **padi**, penoreh **getah**, pekerja **swasta**, pekerja kerajaan, berniaga dan **buruh kasar**. Di **samping** itu dibincangkan **juga tentang sistem sosial** masyarakat Siam di **sini** seperti hubungan **etnik**, agama, sistem perkahwinan dan **kekeluargaan** yang telah mengalami perubahan sejak dahulu **lagi**. Pengkaji **juga** akan membincangkan **program-program** pembangunan kerajaan serta kemudahan **infrastruktur** seperti **sekolah**, klinik, jalanraya, bekalan elektrik, air **paip**, telefon dan lain-lain yang **memberi** kesan kepada **corak** kehidupan masyarakat Siam di **sini**.

ABSTRACT

This research is done in Kampung Tanjung, Mukim Pedu, Padang Terap, Kedah. Kampung Tanjung was preferred for the research study because this area has changes especially in economics development and infrastructure. The objective of this research is to observe the socioeconomic condition of the Siamese community, specifically in Kampung Tanjung, who had experienced assimilation process. Basically, the community possesses unique socioeconomic condition which are derived from their ancestor and has been practised throughout generations. However, the assimilation process has affected the Siamese society in a number of way. The main changes that take place on the youth group are derive from influence of education, outside interaction and desire to succeed as other society in Kedah. The other objective of this paper is to observe the current economic activities in agricultural, construction sector and also in government and non-government sector. Besides, this paper also discusses about the Siamese social system such as the ethnic, religion, marriage and family relationship or system which experiences many changes ever since long time ago. Researcher will also discuss the government development programs and infrastructure improvement facilities such school, clinic, road, electricity, water and telephone which all give an impact on this community life-style.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik selaku penyelia saya kerana banyak memberi tunjuk ajar serta membantu saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada Prof. Dr. Muhammad Haji Alias yang banyak memberi panduan dan tunjuk ajar tentang cara untuk melakukan penyelidikan dan memproses data. Ucapan terima kasih juga dituju khas kepada semua pensyarah program Sarjana Ekonomi yang banyak memberi bimbingan di sepanjang pengajian saya di Universiti Utara Malaysia ini, terutamanya kepada Prof. Madya Ahmad Sobri Bin Jaafar, Prof. Dr. Jamalludin Sulaiman, Prof. Dr. Ahmad Mahdzan Bin Ayob, Dr. Nik Hassani Bin Muhammad, Prof. Madya Dr. Fatimah Wati Binti Ibrahim dan Tuan Haji Hassan.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada Encik Kim Lai a/l Endin Ki, selaku Pengerusi JKKK Kampung Tanjung, Encik Mohd Roslan Bin Bakar, Pegawai RISDA di Kuala Nerang, Encik Zainol Abidin Bin Wan Chik, Pegawai Pertanian di Pejabat Pertanian Kuala Nerang dan Encik Abdul Ghafar Bin Ahmad, Penghulu Mukim Pedu serta kakitangan Pejabat Daerah Padang Terap yang telah memberi kerjasama dengan membekalkan maklumat penting untuk melengkapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada semua penduduk Kampung Tanjung yang telah meluangkan masa menjadi responden untuk menjayakan kajian ini. Kerjasama anda semua amat saya hargai. Kepada rakan seperjuangan saya yang sama-sama mengikuti program Sarjana Ekonomi di Universiti Utara Malaysia terutamanya Norshima, Khor, Chua, Kamaruddin, Tunku Salha, Marwan, Asmady, Rosmawati, Zuriah, Marvin dan Hariri, terima kasih kerana membantu sepanjang kita bersama di sini.

Kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak mengorbankan masa dan harta benda serta memberi dorongan dan sokongan sehingga saya berjaya seperti hari ini. Jasamu berdua tetap dikenang sepanjang hayat. Setinggi penghargaan juga ditujukan kepada abang-abang saya iaitu Sompong, Supak, Surapun dan Sutip kerana membantu samada dalam bentuk kewangan ataupun dorongan. Begitu juga dengan kakak-kakak yang sangat saya sayangi iaitu Sisompaon, Win, It dan Loy. Kepada anak-anak saudara, terima kasih kerana selalu membantu pakcik terutama Savitree yang membantu pakcik menjalankan kajian ini.

Untuk isteri tersayang Nin, terima kasih abang ucapkan kerana memahami diri abang dan sentiasa memberi dorongan walaupun dalam keadaan senang dan susah. Kepada anak tersayang Ew, Nik dan Nett, ayah sangat gembira mempunyai anak seperti kamu kerana walaupun kamu nakal tetapi gelagat kamu semua membuat ayah gembira dan sayangkan kamu. Bagi ayah, kamu semua merupakan pendorong utama kejayaan ayah.

Chalar a/l Endin Prom
No. Matrik: 81029
Sekolah Ekonomi,
Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah Darul Aman.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Kebenaran Mengguna	iii
Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Bab Satu: Pengenalan dan latar belakang kajian	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masyarakat Keturunan Siam Di Malaysia	2
1.3 Latar Belakang Kampung Tanjung, Mukim Pedu di Daerah Padang Terap	5
1.4 Pernyataan Masalah	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
Bab Dua : Sorotan Kajian dan Definisi Konsep	
2.1 Konsep sosioekonomi	12
2.2 Konsep Pembangunan Ekonomi	13
2.3 Konsep Kemiskinan	14
2.4 Kajian Kemiskinan Di Malaysia	16
2.5 Kajian Lepas Tentang Masyarakat Keturunan Siam	18

Bab Tiga : Methodologi Kajian

3.1 Kaedah Penyelidikan	21
3.2 Populasi Kajian	23
3.3 Hepotesis Kajian	23
3.4 Kaedah Penganalisaan	25
3.4.1 Analisis Diskriptif	25
3.4.2 Ujian t	25
3.4.3 Ujian F	25
3.5 Skop Kajian	26

Bab Empat: Analisis Kajian

4.1 Institusi Sosial Masyarakat Siam Kampung Tanjung	27
4.1.1 Agama dan Ritual	27
4.1.2 Hubungan Orang Tua dan Muda	30
4.1.3 Sistem Perkahwinan dan Kekeluargaan	32
4.1.4 Hubungan Etnik	34
4.1.4.1 Hubungan Masyarakat Siam dengan Masyarakat Melayu	34
4.1.4.2 Hubungan Masyarakat Siam dengan Masyarakat Cina	36
4.2 Kajian Sosioekonomi Masyarakat Siam Kampung Tanjung	37
4.2.1 Latar Belakang Ketua Isirumah	38
4.2.2 Aktiviti Penduduk Kampung Tanjung	39
4.2.2.1 Kegiatan Penanaman Padi	40
4.2.2.2 Penoreh Getah	43

4.2.2.3 Pekerja Swasta	45
4.2.2.4 Pekerja Kerajaan	47
4.2.2.5 Berniaga	48
4.2.2.6 Buruh Kasar	49
4.2.3 Pemilikan Harta	50
4.2.4 Kemudahan Infrastruktur	54
4.2.5 Taraf Pendidikan	57
4.2.6 Program-program Pembangunan Kerajaan	63
4.2.7 Taraf Hidup	68
4.3 Keputusan Kajian	69
Bab Lima : Kesimpulan	
5.1 Rumusan Kajian	75
5.2 Cadangan dan Implikasi Dasar	79
Senarai Rujukan	84
Lampiran	87

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual	Halaman
Jadual 1: Pecahan Ansuran Bantuan Tanaman Semula /Baru sehektar Bagi Tanaman Getah untuk Permohonan 1995 dan seterusnya.	44
Jadual 2: Jenis perkhidmatan kerajaan yang diceburi oleh penduduk Kampung Tanjung.	47
Jadual 3: Jenis perniagaan yang terdapat di Kampung Tanjung.	48
Jadual 4: Jenis-jenis peralatan elektrik dan kenderaan yang dimiliki oleh penduduk Kampung Tanjung.	51
Jadual 5: Senarai jumlah pelajar keturunan Siam yang belajar di tadika dan sekolah di sekitar Kampung Tanjung.	60
Jadual 6: Menunjukkan jumlah remaja Kampung Tanjung yang telah tamat pengajian dan sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian di seluruh Malaysia.	61

BAB SATU

PENGENALAN

Pembangunan seringkali dikaitkan dengan aspek-aspek ekonomi. Tetapi sebenarnya, kini pembangunan dirujuk sebagai satu tindakan sosial. Pembangunan bukan sahaja dirujuk sebagai pembangunan ekonomi, tetapi juga sebagai pembangunan dalam aspek bukan ekonomi termasuklah pendidikan, perkhidmatan, kesihatan, pengangkutan, moral, nilai, kerohanian, kebebasan berpolitik dan keselamatan, berdikari, keperibadian nasional dan budaya serta mempunyai tujuan dalam kehidupan dan pekerjaan (Rahimah A. Aziz, 1989: 32). Oleh yang sedemikian pembangunan telah mengambilkira kedua-dua aspek iaitu ekonomi dan bukan ekonomi. Ini adalah kerana kedua-dua aspek ini amat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Syed Husin Ali (dalam Rahimah A. Aziz 1989: 46) pernah menyatakan bahawa pembangunan tidak boleh terbatas dalam hal-hal ekonomi sahaja, sebaliknya ia perlu meliputi semua bidang dalam kehidupan manusia.

Selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969, kerajaan telah memberi perhatian terhadap pembangunan luar bandar agar dapat menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya tidak lagi dikenalpasti berdasarkan fungsi ekonomi dan lokasi tempat. Pembangunan luar bandar telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan kerana pihak kerajaan sedar bahawa pembangunan luar bandar atau desa adalah sama pentingnya dalam proses pembangunan negara keseluruhannya. Pembangunan desa harus juga dibezakan daripada pembangunan pertanian. Perbezaan ini dilakukan kerana adanya

kecenderungan untuk menyamakan pertanian dengan desa. Keadaan ini telah menyebabkan pihak kerajaan lebih menumpukan sektor pertanian dan mengabaikan bahagian lain dalam sektor desa seperti taraf kesihatan penduduk, pendidikan, pengangkutan, dan sebagainya. Oleh itu, pembangunan desa adalah meliputi pembangunan terhadap sektor pertanian dan menyediakan kemudahan infrastruktur kepada masyarakat desa. Pembangunan pertanian adalah meliputi penggunaan teknologi moden yang lebih cekap agar dapat meningkatkan hasil pengeluaran. Di samping itu, pihak kerajaan juga menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Antaranya ialah menubuhkan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur sosial seperti sekolah, klinik, jalan raya, komunikasi, bekalan air dan elektrik (Rahimah A. Aziz 1989: 143). Kerajaan bertindak sedemikian adalah untuk mencapai objektif pembangunan luar bandar iaitu kemajuan dalam bidang sosioekonomi penduduk luar bandar keseluruhannya.

1.1 Latar Belakang Masyarakat Keturunan Siam Di Malaysia

Penduduk keturunan Siam di Malaysia merupakan kaum minoriti yang tinggal berselerak di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia seperti di Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Trengganu. Dianggarkan seramai 65,000 orang penduduk keturunan Siam di Malaysia dan kebanyakannya tinggal di negeri Kedah dan Kelantan.

Di Kedah penduduk keturunan Siam dianggarkan sebanyak 30,000 orang dan kira-kira 40 peratus tinggal di daerah Pendang. Ini diikuti oleh daerah Padang Terap, Sik,

Baling, Kubang Pasu, Kuala Muda dan Kulim. (Temubual: Senator Dato' Charern Inthachat).

Tiada sumber yang menyatakan dengan jelas tentang sejarah kedatangan masyarakat Siam di Malaysia. Ada pendapat yang menyatakan bahawa kewujudan masyarakat Siam di Malaysia adalah disebabkan masyarakat tersebut merupakan penduduk asal kawasan yang diduduki sekarang iaitu sempadan Malaysia dan Thailand. Ini dapat dilihat bahawa sebahagian daripada penduduk negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan terdiri daripada masyarakat Siam.

Selain itu, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kewujudan masyarakat Siam adalah disebabkan oleh dominasi politik Siam ke atas negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Malaysia. Misalnya menurut Bonney (dalam Kanha Prak Prom Keu, 1987: 31), hubungan Siam dengan Kedah telah bermula sejak abad ke-13 lagi. Pada masa itu, negeri Kedah terpaksa menghantar bunga emas dan perak kepada raja Siam sebagai ufti. Siam sangat berpengaruh ke atas Negeri-negeri Melayu Utara pada ketika itu, lebih-lebih lagi pada abad ke-19 bila Siam menuntut haknya daripada Inggeris. Menurut Bonney, pada tahun 1892 negeri Kedah, Perlis dan Setul telah menjadi satu kawasan di bawah naungan kerajaan Siam. Dominasi politik Siam ini telah menggalakan migrasi rakyat Siam ke selatan secara perlahan-lahan dan membuka tanah baru bagi menjalankan kegiatan pertanian. Orang Siam yang datang itu tidak mendapat tentangan daripada penduduk tempatan. Berdasarkan dialek bahasa Thai yang menjadi bahasa pertuturan masyarakat Siam di Kedah dapat diketahui bahawa masyarakat tersebut berasal dari wilayah-wilayah di Selatan

Thailand seperti Nakhon Sithammarat, Songkhla dan Pattalung. Ini adalah kerana bahawa Thai yang dipertuturkan oleh orang Siam di Kedah, Perlis dan Perak adalah hampir sama dengan bahasa Thai yang dipertuturkan oleh orang Siam di Selatan Thailand.

Menurut satu sumber sejarah lisan, kedatangan orang-orang Siam di Kedah bermula sejak tahun 1456 lagi. Pada masa itu, Kedah telah dijadikan sebagai *sub-headquarters* selama 15 tahun iaitu sebagai tempat untuk mengumpul dan menghantar bekalan makanan untuk kegunaan tentera Siam di Semenanjung Tanah Melayu. Ada di antara tentera ini yang merasa ghairah untuk terus menetap di Kedah sebagai petani (G. Muhammad Khan 1950: 35). Di kalangan mereka inilah mungkin telah meninggalkan zuriat orang-orang tempatan hinggalah wujudnya masyarakat minoriti Siam kini.

Kerajaan Siam di zaman Bangkok (Rattanakosin), memperlihatkan pengaruh lebih jelas ke atas negeri-negeri Melayu di utara iaitu Pattani, Kelantan, Kedah, Perlis dan Trengganu. Perlantikan seseorang raja di negeri tersebut kecuali Trengganu, wajib disahkan oleh Maharaja Benua Siam. Contohnya setiap orang Sultan Kedah akan bergelar *Phya Rithisongkramramphakdi Sri Sultan Kedah Ratnarathimunintrasurinthra Wiwangsa*, *Phya Saiburi* dan Raja Perlis digelar *Phya Visedsongkram Ramwieidwillismara Phya Palis* dan Sultan Kelantan sebagai *Phya Phipidphakdi Phya Kalantan*. Pegawai ditempatkan di beberapa buah negeri dan bagi rakyat Siam negeri-negeri Melayu ini adalah negeri mereka. Mereka datang dalam bentuk kumpulan petani mencari kawasan subur untuk membuat penempatan dan diterokai sebagai kawasan pertanian (Siri Neng Buah 1998: 4).

Kerajaan Siam zaman Bangkok menyaksikan tekanan perluasan kolonialisme barat dari segenap penjuru sempadannya. Siam mula kehilangan wilayahnya: Sipsong, Panna, Sipsong Chuthai, Siamrap, Batabong kepada Perancis. Kok Song di Tanasserim kepada Inggeris pada tahun 1909. Melalui perjanjian Bangkok pada tahun 1909, Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu kepada Inggeris. Namun rakyat jelata Siam terus menetap di negeri naungan Inggeris ini. Walaupun cerita lisan mengatakan hampir semua keluarga Siam di Bukit Tempurung, Besut pulang ke wilayah Narathiwat antara tahun 1912 hingga tahun 1915 (Siri Neng Buah 1998: 4)

1.2 Latar Belakang Kampung Tanjung, Mukim Pedu di Daerah Padang Terap.

Kampung Tanjung terletak di Mukim Pedu dalam daerah Padang Terap, negeri Kedah. Kampung ini terletak kira-kira 10 kilometer di utara Pekan Kuala Nerang yang menjadi pekan utama serta pusat pentadbiran di daerah Padang Terap. (Lihat lampiran).

Kampung ini telah dibuka pada tahun 1952, ekoran daripada kerajaan Inggeris mengistiharkan darurat pada tahun 1948 dan langkah penempatan semula setingan dari kawasan terpencil yang bertaburan ke kampung-kampung baru. Langkah ini bertujuan memberi perlindungan kepada mereka yang dipaksa membantu pihak komunis dan lebih penting lagi menghapuskan sistem bekalan komunis yang digelar *Min Yuen*.

Pada peringkat awal Kampung Tanjung yang merupakan kampung baru ini dipagarkan dan dilindungi oleh pihak polis dan tentera. Penduduk kampung juga dilantik sebagai

homeguards untuk bersama-sama dengan pihak polis dan tentera. Kawalan ketat dikenakan ke atas pembelian, penjualan, penyimpanan dan pengangkutan makanan bagi memastikan ia tidak jatuh ke tangan pihak komunis. Dua tokoh utama yang membuka kampung ini ialah ketua kampung ketika itu iaitu Encik Ah Geng a/l Ah Hin dan Ketua Sami Wat Kampung Tanjung ketika itu iaitu Phor Than Phrot (Temubual : Phor Than Prom, Ketua Sami Wat Kampung Tanjung).

Sebelum pembukaan Kampung Tanjung, penduduk di kawasan ini tinggal berselerak iaitu di Kampung Bunga, Kampung Kepala Dusun, Kampung Wat, Kampung tanah Merah, Kampung Kwak, Kampung Padang Sanai, Kampung Tong Eng, Kampung Klong Sai dan Kampung Kuala Samak. Tetapi selepas darurat diistiharkan maka kerajaan menempatkan mereka di Kampung Tanjung yang merupakan kampung baru. Pada peringkat awal, kira-kira 75 buah keluarga berpindah ke kampung ini, tetapi selepas itu bertambah kepada 100 buah keluarga dan akhir sekali 120 buah keluarga (Temubual: Phor Than Prom, Ketua Sami Wat Kampung Tanjung).

Selepas darurat, 30 keluarga daripada penduduk kampung ini telah berpindah semula ke kampung asal mereka terutamanya Kampung Tanah Merah. Oleh itu tinggal 90 buah keluarga yang terus menetap di kampung ini.

Menurut bancian yang dijalankan oleh Penghulu Mukim Pedu pada tahun 1999, kampung ini mempunyai 135 buah keluarga dengan penduduknya 950 orang (Laporan Penghulu Mukim Pedu 1999). Struktur pentadbiran kampung ini diketuai oleh Pengerusi

JKKK, Setiausaha dan diikuti oleh 12 orang Ahli Jawatankuasa. Pengerusi JKKK Kampung Tanjung ini ialah Encik Kim Lai a/l Endin Ki.

Menurut Encik Kim Lai, JKKK (Jawatankuasa Keselamatan Kampung) merupakan institusi peringkat kampung yang penting. Keahlian jawatankuasa ini adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri yang dianggotai oleh pemimpin-pemimpin masyarakat dan bilangan maksima ialah 15 orang di setiap kawasan atau kampung. JKKK memainkan peranan penting untuk menyampaikan maklumat terutamanya dasar-dasar kerajaan dan memberi maklumbalas mengenai penerimaan masyarakat kampung.

Dari segi nisbah penduduk mengikut bangsa di kampung Tanjung, seramai 123 keluarga atau 91.11 peratus merupakan penduduk keturunan Siam, manakala 6 keluarga (7.4%) adalah Cina dan 2 keluarga (1.48%) adalah Melayu. Hampir kesemua keluarga keturunan Cina yang tinggal di kampung ini adalah hasil daripada perkahwinan campur antara masyarakat Siam dan Cina. Manakala 2 buah keluarga Melayu yang tinggal di kampung ini kerana mereka menjalankan perniagaan runcit dan makanan.

Kebanyakan penduduk di kampung ini menjalankan kegiatan pertanian sebagai pekerjaan utama iaitu kira-kira 60 peratus sebagai pesawah padi, manakala penoreh getah pula 20 peratus, buruh 5 peratus, kakitangan swasta 10 peratus, kakitangan kerajaan 2 peratus dan lain-lain 3 peratus.

Kawasan ini telah mengalami proses pembangunan luar bandar. Pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan telah memberi kesan kepada corak kehidupan masyarakat di kampung ini. Antaranya projek penanaman padi dua kali setahun, projek penanaman tebu yang dijalankan oleh Syarikat Gula Padang Terap Sdn Bhd, serta kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti sekolah, klinik, jalan raya, mini tar, bekalan elektrik, air paip, telefon dan sebagainya membawa kepada perubahan kepada corak kehidupan masyarakat tersebut daripada keadaan tradisional kepada keadaan yang lebih moden.

Di kampung ini terdapat sebuah institusi keagamaan yang dikenali sebagai Wat. Wat di kampung ini diketuai oleh Phor Than Prom yang merupakan ketua sami. Pada masa sekarang seramai 13 orang sami menetap di wat ini. Masyarakat Siam dan Cina yang tinggal di kampung ini, kesemuanya menganut agama Buddha. Wat merupakan sebuah institusi yang paling penting bagi penduduk keturunan Siam. Mohamad Yusof (1988), menyatakan dalam konteks masyarakat Thai (Siam) tradisional, wat merupakan pusat kepada hampir kesemua kegiatan sosial di dalam sesebuah perkampungan. Wat juga merupakan tempat perjumpaan masyarakat kampung dan tempat mengadakan mesyuarat bagi membincangkan masalah-masalah yang wujud di dalam kampung. Ia juga merupakan tempat mengadakan aktiviti sosial dan perayaan yang bercorak keagamaan. Di antara perayaan yang disambut oleh penduduk keturunan Siam di kampung ini ialah Hari Wesak, Pesta Loy Krathong, Hari Songkran (Tahun Baru Mengikut Kalendar Buddha), Thod Krathin, Buad-nag (Perayaan Masuk Sami) dan Perayaan Tambun Tahunan.

1.3 Pernyataan Masalah

Usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia dijalankan melalui pelbagai perancangan dan program. Di antaranya ialah melalui agensi-agensi kerajaan negeri, PPRT, ASB, ASN, ASK dan sebagainya. Namun begitu keberkesanannya adalah amat diragukan kerana ia hanya memberi faedah kepada golongan tertentu sahaja dan ramai golongan yang tidak berkemampuan dan miskin tertinggal daripada program ini terutamanya masyarakat kaum minoriti Siam. Namun tidak dapat dinafikan kemiskinan di Malaysia telah menunjuk arah aliran yang semakin menurun.

Jadi melalui kajian ini kita akan melihat sejauh manakah matlamat agensi-agensi pembangunan yang ditubuhkan oleh kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan di kawasan kajian. Memandangkan sebelum ini tiada lagi kajian sosioekonomi yang dijalankan di kawasan ini, maka dirasakan perlu dijalankan satu kajian ke atas taraf sosioekonomi penduduk keturunan Siam di kawasan ini untuk mengetahui tahap pencapaian mereka dari segi corak kehidupan dan kegiatan ekonomi yang dijalankan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji taraf sosioekonomi masyarakat keturunan Siam di Kampung Tanjung, Mukim Pedu, Padang Terap, Kedah Darul Aman. Di antaranya ialah

1. Mengenalpasti corak kegiatan ekonomi penduduk di Kampung Tanjung.
2. Untuk mengetahui kadar pendapatan dan perbelanjaan isirumah di kampung ini.

3. Meninjau kemudahan asas yang disediakan untuk penduduk kampung terbabit.
4. Mengenalpasti taraf pendidikan penduduk keturunan Siam yang tinggal di sini.
5. Meninjau taraf pemilikan harta penduduk serta taraf hidup mereka.
6. Melihat samada projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan diterima oleh penduduk keturunan Siam di sini ataupun tidak.
7. Membandingkan taraf hidup penduduk keturunan Siam di kawasan ini dengan masyarakat Siam di kawasan yang lain di sekitarnya.
8. Melihat sejauhmanakah hubungan orang tua dan muda, hubungan kekeluargaan, keagamaan, perkahwinan dan hubungan dengan etnik lain dalam sistem sosial masyarakat Siam Kampung Tanjung.

1.5 Kepentingan kajian.

Melalui kajian ini maka diharapkan ia menjadi panduan serta manfaat kepada kerajaan dalam menentukan keberkesanan segala rancangan pembangunan yang dijalankan oleh mereka selama ini. Selain daripada itu ia juga menjadi panduan dan sumber rujukan kepada pihak-pihak yang ingin menjalankan kajian yang berkaitan dengan penduduk keturunan Siam di masa akan datang.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat taraf hidup penduduk keturunan Siam di kampung ini berbanding dengan penduduk keturunan Siam di tempat lain serta kaum-kaum lain di sekitarnya samada mereka masih ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi, sosial

dan infrastruktur. Ini kerana sebelum ini tiada kajian seumpama ini dijalankan di kampung ini.

Melalui kajian yang berbentuk deskriptif ini, lebih banyak maklumat (data-data) sosioekonomi masyarakat keturunan Siam akan dapat dikumpul. Kajian ini akan cuba menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan ketua isirumah seperti jenis pekerjaan, jantina, umur, tahap pendidikan dan keluasan tanah pertanian yang dimiliki. Penyelidik akan mengenalpasti faktor yang menyebabkan wujud atau tidaknya perbezaan pada pendapatan ketua isirumah setiap responden yang dipilih. Penyelidik melihat bentuk pendapatan mereka yang lain seperti harta yang disewakan, simpanan di institusi-institusi tabungan seperti pendapatan daripada saham.

Kajian ini juga diharapkan menjadi bahan rujukan kepada Persatuan Siam Malaysia (PSM) dan Yayasan Orang-orang Siam Malaysia (YOSM) dalam usaha untuk membantu mempertingkatkan taraf sosioekonomi masyarakat keturunan Siam di Malaysia supaya mereka tidak ketinggalan dari kaum-kaum lain.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN DAN DEFINISI KONSEP

2.1 Konsep Sosioekonomi

Perkataan sosioekonomi adalah gabungan daripada perkataan sosial dan ekonomi. Sosial boleh didefinisikan sebagai segala yang berkaitan dengan pergaulan, aktiviti, cara hidup dan kegiatan manusia dalam masyarakat. Sosial adalah merangkumi segala bentuk interaksi atau hubungan manusia dengan manusia dalam kehidupan hariannya (Ong Beng Kok 1995: 14). Perkataan ekonomi pula didefinisikan sebagai bagaimana manusia menggunakan sumber-sumber pengeluaran yang terhad untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan demi untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Ekonomi juga dikaitkan dengan percukaian, kemiskinan, pengangguran, budaya pengurusan dan sebagainya.

Namun demikian, aspek sosial dalam kajian ini adalah merangkumi agama, hubungan tua dan muda, hubungan dengan etnik-etnik lain di sekitarnya dan taraf pendidikan. Manakala aspek ekonomi dalam kajian ini pula terdiri daripada aktiviti ekonomi, pemilikan harta, kemudahan infrastruktur, program-program pembangunan kerajaan dan taraf hidup masyarakat Siam di Kampung Tanjung. Oleh itu konsep sosioekonomi dalam kajian ini adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan soal ekonomi serta aktiviti-aktiviti atau cara hidup manusia dalam masyarakat (sosial).

2.2 Konsep Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi dianggap sebagai satu proses berbagai-bagai dimensi yang melibatkan pembentukan dan penyesuaian semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial. Sebagai tambahan kepada pembaikan dalam pendapatan dan pengeluaran, ia juga melibatkan perubahan yang radikal dalam struktur institusi, sosial, pentadbiran dan juga pada sikap, adat dan kepercayaan. Di antara tokoh-tokoh yang membincangkan tentang konsep pembangunan ekonomi ini ialah Paul P. Streetan, Denis Goulet, Dudley Seers dan Geneva.

Paul P. Streetan (1980), berpendapat pembangunan perlu didefinisikan sebagai satu senjata untuk menyerang masalah-masalah dunia hari ini seperti kekurangan makanan, penyakit, buta huruf, setinggalan, pengangguran dan ketidakadilan. Pembangunan dikatakan mencapai kejayaan yang besar sekiranya diukur berdasarkan kadar pertumbuhan aggregate. Tetapi jika diukur berdasarkan pekerjaan, keadilan dan penghapusan kemiskinan, pembangunan dikatakan telah gagal atau hanya berjaya mengatasi sebahagian sahaja masalah-masalah tersebut.

Denis Goulet (1981), Pembangunan tidak akan menjadi suatu perkara yang penting dan ini bergantung kepada sebanyak mana maklumat yang kita miliki mengenai pembangunan jika kita tidak benar-benar memahami makna pembangunan yang sebenarnya.

Dudley Seers (1969), memberi pandangan mengenai pembangunan 'Apakah yang telah berlaku kepada kemiskinan?' 'Apakah yang berlaku ke atas pengangguran?' 'Apakah yang berlaku ketidaksamaan?'. Jika ketiga-tiga perkara ini semakin berkurangan daripada peringkat tinggi, maka tidak syak lagi ia merupakan tempoh pembangunan bagi negara itu. Jika satu atau dua atau ketiga-tiga sekali masalah pokok tersebut berada dalam keadaan yang bertambah buruk, jadi tidak munasabah untuk dipanggil sebagai pembangunan walaupun pendapatan perkapita telah meningkat berlipat ganda.

Geneva (1983), mengatakan pendapatan perkapita yang tinggi, penghapusan kemiskinan mutlak, peluang-peluang pekerjaan yang bertambah, pengurangan dan ketidakseimbangan pendapatan merupakan syarat-syarat yang perlu ada untuk pembangunan.

2.3 Konsep Kemiskinan

Kemiskinan didefinisikan sebagai satu tingkat kehidupan yang tidak dapat memenuhi keperluan hidup seperti makanan, pakaian dan perlindungan yang diperlukan oleh manusia untuk meneruskan hidup.

Amir H. Baharuddin (1982), berpendapat bahawa kemiskinan itu adalah hasil daripada masalah atau kegagalan sistem harga, dasar kewangan kerajaan, keadaan struktur pengeluaran yang tidak anjal, nisbah perdagangan yang tidak seimbang, agihan pendapatan

dan tabungan yang tidak sama serta peluang kepada pasaran modal dan pola penggunaan yang menyeleweng oleh segolongan daripada sesuatu masyarakat.

Syed Husin Ali (1986), menyatakan bahawa kemiskinan di setengah tempat boleh wujud oleh kerana agihan tanah yang tidak sama dan pemecahan tanah pusaka terutama kepada penduduk yang tidak suka berpindah randah (*immobile population*). Selain daripada itu, dengan wujudnya pemecahan tanah, wujud pula pemusatan hak milik tanah, eksploitasi dan juga sistem hak milik tanah yang mempunyai masalah seperti masalah saiz ladang yang tidak menjimatkan dengan menanam pelbagai jenis tanaman yang bermutu rendah.

Oscar Lewis (1985), kemiskinan menunjukkan satu cara hidup berlainan yang kekurangannya dapat dilihat dalam penyertaan dan intergrasi yang berkesan dalam masyarakat yang lebih besar, serta satu lingkungan kepentingan yang terhad kepada masalah-masalah penghidupan, organisasi-organisasi sukarela, fatalisme, marginalisme yang kuat atau sikap suka bergantung kepada orang lain seperti perasaan rendah diri dan sebagainya.

Menurut Donovan (1967), orang-orang miskin tidak mempunyai cara untuk menonjolkan kesengseraan mereka supaya dapat sokongan umum dan tidak juga mempunyai pengaruh untuk menekan kerajaan supaya bertindak untuk kepentingan mereka. Beliau percaya cara yang paling baik bagi mengatasi kemiskinan ialah dengan asas kuasa mereka sendiri supaya mampu menghadapi segala perkembangan dan cabaran.

2.4 Kajian Kemiskinan di Malaysia

Banyak kajian tentang kemiskinan telah dijalankan di Malaysia. Di antaranya dilakukan oleh Chamhuri Siwar, Prof Diraja Ungku Aziz, Prathiba N. Kannan, Gioh Ling dan Khairuddin Yusoff, Mohammad Nor Ghani, Yusof Kasim dan lain-lain lagi.

Chamhuri Siwar (1986), telah mengaitkan sektor pertanian dengan ciri-ciri atau faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan. Menurut beliau sektor pertanian luar bandar sentiasa menghadapi keadaan hidup yang serba ketinggalan dan kekurangan dari segi kemudahan fizikal dan dipenuhi dengan gejala kemiskinan.

Prof. Diraja Ungku Aziz (1989), mengatakan kemiskinan adalah keadaan di mana golongan kapitalis di bandar mengeksploitasi golongan miskin di luar bandar. Menurutnya kemiskinan wujud disebabkan oleh sistem monopoli dalam proses pengeluaran dan pemasaran di kawasan-kawasan luar bandar dan kaum kapitalis mengeksploitasi orang-orang luar bandar yang tidak mempunyai cukup maklumat khusus mengenai kredit dan pemasaran.

Pratibha N. Kannan (1988), berpendapat rakyat Malaysia miskin disebabkan oleh kekurangan tanah samada untuk bercucuk tanam atau digunakan bagi tempat tinggal. Pertambahan penduduk telah memburukkan lagi keadaan. Ini kerana tanah masih lagi dalam keadaan yang sama menyebabkan tanah itu tidak produktif dan menambahkan lagi

beban kemiskinan. Penganugerahan Tanah oleh kerajaan harus di pandang sebagai satu alternatif untuk mengurangkan kemiskinan.

Gioh Ling dan Khairuddin Yusoff (1983), kemiskinan bukan sahaja merujuk kepada pendapatan yang rendah tetapi aspek mutu hidup juga perlu dipertimbangkan, kemiskinan dan mutu hidup adalah dua fenomena rumit yang berkaitan dengan proses dan perubahan sosial yang kompleks. Sebab-sebab kemiskinan sebenarnya bukan hanya penerimaan pendapatan yang rendah tetapi faktor-faktor yang menimbulkan masalah gaji atau upah yang rendah.

Di kebanyakan Negara Sedang Membangun, masalah kemiskinan muncul apabila berlakunya pertambahan dalam kemajuan dan kemewahan hidup. Kekayaan dan kemewahan hidup yang dinikmati oleh golongan kecil itulah yang menarik perhatian mereka yang berlainan terhadap kemiskinan. Mati kerana kebuluran, kekurangan makanan, penyakit dan kekurangan pendidikan di kalangan orang ramai boleh menyebabkan seseorang itu terjerumus ke lembah penjenayahan. Mohamad Nor Ghani (1984).

Oleh kerana fenomena kemiskinan melingkari masyarakat luar bandar, maka aspek bagi memaksimumkan pertumbuhan ekonomi luar bandar perlulah diberi penekanan utama seperti yang dinyatakan oleh Yusof Kassim (1985):

“ If some private sector in the economics can be identified the growth within the sector can be maximized, rather than concentrating on the overall growth rate of the economy. In the Malaysian case most employment, many of them agriculturer, such

as among paddy planters and rubber growers, could be of assistance in raising incomes in these areas above the poverty level”.

2.5 Kajian Lepas Tentang Masyarakat keturunan Siam

Masyarakat Siam merupakan masyarakat minoriti di Malaysia. Oleh yang demikian masih ramai yang masih tidak mengenali masyarakat tersebut. Namun begitu, telah terdapat beberapa orang yang telah mengkaji tentang masyarakat Siam di Malaysia. Di antaranya ialah Mohammad Yusoff Ismail, Che Rosli Hassan, Menteri Abdullah, Kanha Prak Prom Keu dan Boon Seen St. Lai.

Mohammad Yusoff Ismail (1980), telah mengkaji tentang komuniti Siam di Aril, Kelantan sebagai satu kumpulan minoriti. Melalui kajian itu, beliau mendapati bahawa masyarakat Siam wujud sebagai subordinate kepada kumpulan etnik yang lebih dominan iaitu etnik Melayu dan Cina. Golongan minoriti Siam juga berada pada status yang lebih rendah berbanding dengan orang Melayu dan Cina. Menurut beliau, masyarakat minoriti Siam dikatakan kurang mendapat keistimewaan dalam politik, ekonomi dan sosial seperti yang didapati oleh golongan dominan.

Pada tahun 1989, Che Rosli Hassan mengkaji tentang perubahan sosiekonomi yang dialami oleh masyarakat Siam di Semerak, Kelantan. Beliau mendapati masyarakat Siam masih lagi mengamalkan amalan-amalan tradisi dalam kegiatan harian mereka walaupun kawasan perkampungan tersebut telah dimajukan. Golongan yang masih berpegang kuat

kepada tradisi ialah golongan tua, manakala golongan muda agak dapat menyesuaikan diri dengan pembaharuan yang membawa perubahan.

Menteri Abdullah (1979) pula mengkaji tentang penglibatan masyarakat Siam dalam politik di Guar Musang, Perlis. Beliau mendapati bahawa sebilangan kecil sahaja masyarakat Siam di kawasan tersebut yang terlibat dengan politik negara.

Kajian tentang kepercayaan serta ritual-ritual dalam masyarakat Siam pernah dilakukan oleh Kanha Prak Prom Keu (1987). Beliau telah mengkaji masyarakat minoriti Siam di Baling, Kedah. Daripada hasil kajian, beliau mendapati agama Buddha Theravada merupakan kepercayaan yang dominan masyarakat tersebut. Mazhab ini mempunyai tiga unsur suci iaitu Buddha, Dhamma dan Sangha. Ketiga-tiga unsur ini telah dihormati dengan pengalaman ritual iaitu *Buad-nag*. Beliau telah membuat huraian diskriptif bagi menjelaskan keseluruhan upacara di samping mencungkil makna setiap perlakuan yang dijalankan.

Di samping itu, Boon Seen St. Lai (1988), mengkaji tentang masyarakat minoriti Siam di Kampung Titi Akar, Kedah. Beliau telah mengkaji tentang isu pemilikan tanah di kalangan kaum minoriti tersebut. Kebanyakan anggota masyarakat tersebut terdiri daripada golongan petani. Secara menyeluruh masyarakat tersebut telah asimilasikan ke dalam budaya Melayu, tetapi perbezaan asas masih wujud di antara masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu yang lebih dominan bilangannya. Melalui kajian tersebut, beliau mendapati terdapat dua golongan yang berbeza iaitu golongan pemilik dan golongan bukan

pemilik. Golongan bukan pemilik merupakan golongan yang tidak memiliki tanah sama sekali dan terpaksa bergantung hidup ke atas kerja-kerja mengambil upah menoreh getah, menebang dan menebas serta bekerja sendiri dalam bidang bukan pertanian.

BAB TIGA

METHODOLOGI KAJIAN

3.1 Kaedah Penyelidikan

Pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mendapat data kajian tersebut. Antara kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temubual, soal-selidik, pemerhatian dan penyelidikan perpustakaan.

Sumber data adalah diperolehi melalui soal selidik di mana soalan terlebih dahulu dirangka dan disemak dengan teliti agar dapat memenuhi skop kajian serta mendapat maklumat setepat mungkin. Ianya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat isirumah, kemudahan asas dan demografi yang meliputi pekerjaan, perbelanjaan, pendapatan, taraf pendidikan, milikan harta dan taraf hidup.

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berbentuk 'closed ended' di mana ianya dibuat dengan teliti supaya responden tidak menghadapi masalah untuk menjawabnya. Responden juga turut diberi masa secukupnya untuk menjawab soalan soal selidik supaya mereka dapat memberi maklumat yang benar.

Penyelidik juga mengemukakan soalan-soalan yang umum dan berbentuk khusus untuk mengetahui latar belakang penduduk Kampung Tanjung ini. Jawapan yang diberikan oleh penduduk akan dirumuskan dan dimasukkan dalam laporan kajian. Melalui kaedah temubual ini pengkaji mendapat sumber utama tentang masyarakat tersebut, kerana pada pandangan pengkaji orang yang dipilih untuk ditemubual ini merupakan orang yang berpengetahuan lebih luas daripada individu lain dalam masyarakat itu. Mereka yang dipilih adalah orang yang peka kepada keadaan sekeliling. Misalnya Pengerusi JKKK, pengkaji mendapat maklumat mengenai penduduk di kawasan ini. Temubual juga dijalankan ke atas beberapa orang tua di kampung ini untuk memperolehi maklumat mengenai aspek ekonomi, agama, hubungan etnik dan pendidikan orang pada masa lalu.

Menerusi kaedah pemerhatian, penyelidik melihat dari aspek fizikal seperti petempatan rumah kediaman, kedai, kemudahan asas, pengangkutan awam dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk di Kampung Tanjung ini. Melalui kaedah ini pengkaji memerhati kegiatan harian yang dilakukan oleh masyarakat dalam kawasan kajian. Pengkaji dapat merekodkan segala kejadian yang diperhatikan.

Selain daripada itu data-data juga diperolehi daripada sumber-sumber bertulis sama ada yang pernah diterbitkan (rasmi) atau tidak diterbitkan (tidak rasmi). Sumber-sumber rujukan termasuklah buku-buku rujukan, kertas seminar, laporan Persatuan Siam Malaysia, latihan ilmiah dan sebagainya. Di samping itu pengkaji juga dapat memasukkan pengalaman sendiri dalam pengumpulan data. Pengkaji dapat menyatakan pengalaman sendiri kerana pengkaji berasal dari kawasan kajian.

3.2 Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Kampung Tanjung, Mukim Pedu, Padang Terap, Kedah Darul Aman. Kampung ini mempunyai 135 buah rumah dan bilangan penduduknya kira-kira 950 orang. Dalam kajian ini penyelidik akan memilih seramai 50 orang ketua isi rumah sebagai responden iaitu mewakili kira-kira 37 peratus daripada ketua isirumah yang tinggal di kampung ini. Jumlah ini diandaikan sesuai dan memadai untuk mewakili jumlah populasi dan menguji hepotesis yang dikemukakan.

Populasi kajian ini dipilih berdasarkan jenis pekerjaan yang diceburi oleh penduduk kampung ini. Kriteria yang digunakan ialah setiap jenis pekerjaan akan dipilih sebanyak 10 peratus sebagai responden. Selain daripada itu pengkaji juga menetapkan sebanyak 15 peratus daripada responden adalah wanita kerana kira-kira 15 peratus daripada ketua isirumah di kampung ini adalah ibu tunggal sama ada diceraikan oleh suami atau kematian suami.

3.3 Hipotesis Kajian

Di antara hepotesis kajian yang dibentuk adalah berdasarkan Hepotesis Nul iaitu:

1. Tidak ada hubungan yang signifikan di antara status jantina dengan pendapatan ketua isirumah.
2. Tidak ada hubungan yang signifikan di antara taraf pekerjaan dengan pendapatan ketua isirumah.

3. Tidak ada hubungan yang signifikan di antara umur ketua isirumah dengan pendapatan ketua isirumah.
4. Tidak ada hubungan yang signifikan di antara keluasan pemilikan tanah dengan pendapatan ketua isirumah.
5. Tidak ada hubungan yang signifikan di antara taraf pendidikan dengan pendapatan ketua isirumah.

Berdasarkan hipotesis di atas maka Model Ekonometrik bagi kajian ialah

$$Y = \beta_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + U_i$$

Di mana

$\beta_1, \beta_2, \beta_3, \beta_4, \beta_5, \beta_6$ parameter

Y Pembolehubah bersandar atau endogenues

X_2, X_3, X_4, X_5, X_6 Pembolehubah bebas atau eksogenues

U_i Ralat

apabila

Y pendapatan

X_2 jantina responden

X_3 umur responden

X_4 jenis pekerjaan

X_5 keluasan tanah

X_6 taraf pendidikan ketua isirumah

3.4 Kaedah Analisis

Terdapat tiga kaedah penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu analisa diskriptif, ujian t dan ujian F.

3.4.1 Analisis diskriptif

Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis dan kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk jadual kekerapan dan pengiraan dalam bentuk peratusan untuk memberi gambaran yang jelas terhadap analisa keputusan yang telah dijalankan.

3.4.2 Ujian t

Ujian t dilakukan untuk menguji sama ada X_2, X_3, X_4, X_5 dan X_6 mempengaruhi Y ataupun memberi kesan individual terhadap Y. Ia juga dilakukan untuk menentukan sama ada model yang digunakan signifikan atau tidak.

3.4.3 Ujian F

Ujian F ini dilakukan untuk menguji model secara keseluruhan bagi menentukan sama ada pembolehubah X_2, X_3, X_4, X_5 dan X_6 menerangkan Y ataupun sebaliknya . Ia juga perlu

untuk menentukan samada R-square signifikan atau tidak. Selain daripada itu ia juga menentukan keelokan dan kepadanan sesuatu garisan variasi.

3.5 Skop Kajian

Tumpuan utama kajian ini adalah terhadap penduduk keturunan Siam di Kampung Tanjung, Mukim Pedu, Padang Terap, Kedah iaitu untuk mengkaji taraf sosioekonomi mereka.

Kajian ini juga dijalankan untuk melihat peranan kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar khususnya masyarakat keturunan Siam. Selain daripada itu ia juga bertujuan untuk melihat aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan, kemudahan infrastruktur, taraf hidup, taraf pemilikan harta dan sumbangan masyarakat keturunan Siam di sini terhadap pembangunan luar bandar dan wilayah di negeri Kedah ini.

Dari segi sosial pula ia bertujuan untuk melihat aspek-aspek keagamaan, hubungan kekeluargaan, pendidikan dan hubungan masyarakat Siam di sini dengan keturunan Melayu dan Cina yang terdapat di sekitarnya.

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.1 Institusi Sosial Masyarakat Siam Kampung Tanjung.

Agama, keluarga dan hubungan etnik juga mengalami proses perubahan. Proses perubahan yang berlaku ini berkait rapat dengan nilai perubahan masyarakat. Nilai ialah suatu konsep atau suatu pembentukan mental yang dirumuskan daripada tingkahlaku manusia. Menurut Kluckhohn (dalam Ting Chew Peh 1993: 84), nilai adalah suatu standard yang agak berkekalan daripada segi masa, atau pengertian yang luas ialah suatu standard yang mengaturkan satu sistem perlakuan. Nilai juga merupakan satu keutamaan (preference), iaitu sesuatu yang lebih disukai, baik mengenai hubungan sosial mahupun mengenai matlamat-matlamat serta ikhtiar untuk mencapainya. Perubahan nilai yang semakin membesar ini amat bergantung kepada kehendak dan kemahuan masyarakat untuk mensejahterakan hidup mereka.

4.1.1 Agama dan Ritual

Setiap masyarakat mempunyai agama dan kepercayaannya yang tersendiri. Agama merangkumi sistem kepercayaan dan amalan sesebuah masyarakat. Setiap agama mempunyai fungsinya yang tersendiri yang kebanyakannya dikaitkan dengan pandangan sejagat masyarakatnya. Durkheim (dalam Abdullah Taib 1985: 203) mendefinisikan agama

sebagai satu sistem kepercayaan dan amalan yang berhubung dengan benda suci, iaitu benda yang dihormati dan menjadi sistem kepercayaan dan perbuatan yang menyatukan individu-individu ke dalam satu komuniti. Dengan itu agama adalah aspek yang berhubung dengan perkara yang suci. Oleh yang demikian agama berfungsi sebagai kawalan sosial dan berfungsi untuk mengekalkan perpaduan sosial dalam sebuah masyarakat yang mengamalkan sesuatu agama.

Keseluruhan masyarakat Siam di kampung ini adalah beragama Buddha. Dalam aspek keagamaan perubahan yang dapat dikesan ialah cara mendapat didikan agama, kekerapan pergi ke wat dan ritual *buad-nag*. Menurut Sills (dalam Kanha Prak Prom Keu 1987: 11), ritual merupakan satu set adat istiadat yang khususnya dihubungkan dengan kepercayaan. Ritual adalah penting untuk individu atau kumpulan menunjukkan ketaatan mereka unsur-unsur suci yang diyakini dan dihormati oleh sesuatu kelompok.

Pada masa dahulu wat dan juga institusi keluarga masyarakat Siam memainkan peranan yang penting dalam memberi didikan agama kepada anak-anak muda. Hanya pemuda yang dihantar ke wat untuk mendapatkan didikan agama. Wat yang menjadi tumpuan bagi masyarakat di kampung ini ialah Wat Phikulthararam yang terletak di kampung ini dan Wat Nikrodharam di Alor Setar. Anak-anak muda yang berumur lingkungan 12 tahun akan dihantar ke wat tersebut untuk belajar agama Buddha dan bahasa Thai (sehingga pertengahan tahun 1970an). Golongan ini akan belajar dan tinggal di wat selama tempoh pembelajaran mereka. Anak-anak muda yang tinggal di wat dikenali sebagai *dek wat* dalam bahasa Thai atau *temple boys*. Namun begitu bukan semua orang

diwajibkan belajar agama di wat, hanya mereka yang berminat sahaja yang dihantar belajar di wat. Mereka tinggal di wat sehingga mencapai umur *buad-nag* (upacara masuk sami) iaitu 21 tahun. Manakala anak-anak gadis hanya mendapat didikan agama daripada keluarga mereka. Mereka ini kurang mendapat pendedahan daripada institusi wat kerana mereka lebih digalakkan tinggal di rumah dan membantu ibu bapa mereka samada kerja-kerja di sawah ataupun di rumah.

Proses pendidikan agama Buddha dahulu agak berbeza dengan sekarang. Kini golongan ibu bapa lebih menyerahkan anak-anak mereka kepada institusi wat untuk memberi pendidikan agama yang lebih mendalam. Institusi wat pula telah secara formalnya menubuhkan kelas Bahasa Thai di kampung ini. Oleh itu mereka tidak perlu tinggal di wat untuk belajar. Hasil pemerhatian pengkaji, didapati anak-anak muda yang mengikuti kelas tersebut diajar pada waktu petang kerana pada waktu pagi mereka ke sekolah. Penubuhan kelas ini di bawah kelolaan Phor Than Prom Sirithammo iaitu ketua sami wat kampung ini. Guru-guru yang mengajar di kelas ini terdiri daripada *Bhikku* (sami-sami Buddha). Selain bahasa Thai, mereka juga diajar tentang ajaran agama Buddha yang dikenali *Thamma Suksa* dan antara perkara-perkara yang diajar ialah *Dhamma*, *Phuttasasana Suphasit* (Pilihan Peribahasa Buddha), *Phutthaprawat* (Riwayat Hidup Buddha) dan *Vinayamuk* (Jalan Ke Vinaya).

Pengajian *thamma suksa* terbahagi kepada tiga peringkat iaitu *thamma suksa thri* (peringkat asas), *thamma suksa tho* (peringkat pertengahan) dan *thamma suksa ek*

(peringkat tinggi). Untuk sampai ke peringkat tinggi, seseorang pelajar itu perlu lulus peringkat asas dan peringkat pertengahan. Untuk meningkatkan taraf pengetahuan kanak-kanak tentang agama Buddha, satu peperiksaan diadakan antara bulan Januari dan Februari setiap tahun di Wat Nikrodaram, Alor Setar. Sesiapa yang lulus peperiksaan tersebut akan diberikan sijil berdasar kepada tahap kelulusan masing-masing (lihat lampiran).

Perubahan dalam soal keagamaan juga boleh dilihat dalam soal kekerapan masyarakat Siam ke wat. Apabila tiba hari-hari penting dalam agama Buddha seperti *Visakha Bucha* (Hari Wesak), *Khao Pansa* (permulaan musim amal bagi *Bhikku* selama 3 bulan), *Ohk Phasa* (tamat musim amal bagi para *Bhikku*), *Thot Kratin* (pemberian wang dan busana keagamaan kepada pihak wat) dan sebagainya orang-orang kampung akan pergi ke wat. Begitu juga setiap minggu pada hari *Wan Prak*, masyarakat Siam di kampung ini akan pergi bersembahyang di wat dan mendengar syarahan agama yang akan dibacakan oleh *Bhikku*.

4.1.2 Hubungan Orang Tua dan Muda

Hubungan antara orang tua dan muda merupakan hubungan yang berpanjangan dan tidak akan pupus. Hubungan ini meliputi hubungan dalam keluarga dan hubungan dengan masyarakat secara umumnya. Hubungan di dalam keluarga meliputi hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak, datuk nenek dengan cucu, emak dan bapa saudara dengan anak saudara dan sebagainya. Dalam kehidupan keluarga, hubungan tua dan muda

mbolehkan penyaluran pengetahuan atau didikan dari satu generasi kepada satu generasi dilakukan. Orang tua merupakan agen sosialisasi yang dapat memastikan norma masyarakat dan tradisinya dipelihara bila ianya diturunkan kepada generasi muda.

Pada masa dahulu hubungan golongan tua dan muda dalam masyarakat Siam di kampung ini adalah agak rapat kerana jangkamasa berinteraksi lebih banyak dan faktor melakukan aktiviti yang sama. Anak-anak muda akan membantu ibu bapa mereka di sawah. Anak-anak muda tersebut akan diajar oleh ibu bapa atau saudara mara mereka berkaitan dengan cara-cara penanaman padi. Golongan tua mengajar anak-anak muda bagaimana untuk melakukan sesuatu kerja seperti membajak sawah, menanam padi, menuai padi dan sebagainya. Sambil mereka melakukankan pekerjaan mereka di sawah, mereka akan berinteraksi antara satu sama lain dan ini akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan golongan tua dan muda. Selain daripada itu, masa ibu bapa bersama anak-anak mereka adalah lebih lama.

Kini hubungan golongan tua dan muda dalam masyarakat Siam di kampung ini masih rapat. Tetapi tempoh untuk ibu bapa bersama-sama anak mereka adalah lebih singkat jika dibandingkan dengan dahulu. Keadaan ini disebabkan oleh faktor perbezaan aktiviti. Golongan ibu bapa terpaksa bekerja di siang hari, manakala anak-anak mereka pula dihantar ke sekolah untuk mendapat pendidikan sekular. Golongan ibu bapa hanya dapat bersama-sama anak-anak mereka pada waktu malam sahaja iaitu di antara 3 hingga 5 jam sehari. Kadangkala akibat terlalu letih bekerja di siang hari menyebabkan ibu bapa kurang berinteraksi dengan anak-anak. Golongan ibu bapa cepat tidur, anak-anak buat kerja

sekolah, menonton televisyen dan sebagainya. Daripada harian kajian, didapati kesemua responden menyatakan mereka hanya bersama anak-anak mereka pada waktu malam sahaja. Keadaan ini disebabkan oleh faktor pekerjaan dan faktor pendidikan di kalangan anak-anak mereka. Namun begitu hubungan mereka masih rapat.

Kebanyakan golongan muda Siam di kampung ini dapat mengenali kesemua golongan tua dan sering menegur sapa orang-orang tua apabila bertemu di rumah, di tepi jalan ataupun kedai-kedai. Jadi sikap ambil peduli dan rasa hormat masih lagi ditunjukkan oleh golongan muda kepada golongan tua dalam masyarakat.

4.1.3 Sistem Perkahwinan dan Kekeluargaan`

Keluarga merupakan unit asas atau unit sejagat bagi masyarakat Siam. Seringkali perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan akan membentuk keluarga. Keluarga memainkan peranan penting dalam membimbing sesuatu generasi baru untuk meneruskan kehidupan mereka. Peranan ini sering dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka supaya menjadi orang yang diterima oleh masyarakatnya. Ibu bapa mendidik anak-anak tentang norma-norma serta nilai-nilai yang diperakui oleh masyarakat di sekelilingnya. Keluarga merupakan institusi pertama seseorang kanak-kanak itu mempelajari segala adat resam, norma-norma kemasyarakatan, *folkways* dan lain-lain yang dapat digunakan sebagai landasan untuk berinteraksi dengan orang-orang di sekeliling.

Keluarga boleh dikategorikan kepada dua iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Menurut Townsend (dalam Mitchell 1982: 180), keluarga asas terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak. Manakala keluarga luas pula adalah terdiri daripada ibu, bapa, datuk, nenek dan saudara lain atau terdiri lebih dari satu keluarga asas. Keluarga luas ini sering wujud dalam masyarakat yang melakukan kegiatan pertanian.

Secara umumnya perkahwinan dalam masyarakat Siam di kampung ini adalah berbentuk eksogami, iaitu perkahwinan anggota kampung dengan individu dari kampung lain. Ini bertepatan dengan kenyataan Goode (1991: 85) bahawa dalam perkawinan eksogami seseorang anggota masyarakat itu berkahwin dengan seseorang di luar lingkungan sanak atau di luar kampungnya. Daripada 50 responden yang dikaji sebanyak 38 responden atau 76 peratus adalah berkahwin dengan pasangan luar dari kampung ini seperti daripada Kampung Naka, Kampung Tanah Merah, Kampung Lampam, Padang Kerbau, Kampung Titi Akar, Padang Peliang, Kampung Sanglang dan lain-lain. Salah satu sebabnya ialah pekerjaan. Akibat ramai anak-anak muda berhijrah ke tempat lain untuk mendapat pekerjaan menyebabkan mereka terdedah dengan masyarakat luar. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi pemilihan jodoh golongan ini. Terdapat juga penduduk di kampung ini yang berkahwin dengan penduduk dari Thailand. Perkahwinan sebegini dapat mengembangkan lagi tali persaudaraan dengan masyarakat luar. Kebiasaannya selepas mereka berkahwin, mereka terus menetap bersama ibu bapa sebelah suami atau isteri terlebih dahulu sebelum mereka mendirikan rumah sendiri. Terdapat juga di antara mereka yang berpindah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan dengan menyewa atau membeli

rumah. Di antara bandar-bandar yang menjadi tumpuan ialah Alor Setar, Sungai Petani, Kulim, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Baru dan lain-lain.

4.1.4 Hubungan Etnik

Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Kaum Melayu, Cina dan India merupakan kaum majoriti di negara ini. Di samping kaum-kaum majoriti ini, Malaysia juga terdiri daripada beberapa kaum minoriti yang lain. Kaum Siam merupakan salah satu daripada kaum-kaum minoriti di negara ini. Hubungan yang baik antara masyarakat berbilang kaum adalah penting dalam usaha memupuk perpaduan sesebuah negara. Hubungan yang baik dalam sesebuah masyarakat terbentuk daripada proses interaksi di kalangan ahli dalam masyarakat tersebut. Dengan adanya proses interaksi di kalangan anggota masyarakat, maka akan terbentuk kerjasama di antara anggota masyarakat berbagai kaum ini. Keadaan ini secara tidak langsung akan menyebabkan sesebuah negara itu aman dan mudah ditadbir. Di kawasan kajian iaitu Kampung Tanjung anggota masyarakatnya terdiri daripada kaum Siam, Melayu dan Cina. Kaum Siam merupakan kaum majoriti di kampung ini. Manakala kaum Cina dan Melayu merupakan golongan minoriti. Namun di sekitar Kampung Tanjung ini terdiri dari perkampungan orang-orang Melayu.

4.1.4.1 Hubungan Masyarakat Siam dengan Masyarakat Melayu

Hubungan masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu di kampung adalah rapat pada tahun 1980an. Ini adalah kerana mereka berkongsi kegiatan ekonomi yang sama iaitu

aktiviti penanaman padi. Hampir keseluruhan anggota masyarakat di kawasan ini adalah pesawah padi. Mereka sering bertemu di sawah-sawah padi ketika mereka menjalankan kegiatan penanaman padi. Malah pada masa dahulu berlaku pertukaran tenaga kerja di antara masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu dalam kegiatan penanaman padi. Waktu itu terdapat orang Siam yang mengambil upah mengerjakan sawah orang Melayu dan begitu juga sebaliknya, iaitu orang Melayu mengambil upah mengerjakan sawah padi orang Siam. Keadaan ini berlaku pada musim menanam dan menuai padi yang memerlukan banyak tenaga kerja. Dengan adanya pertemuan sebegini mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan sesama mereka. Pada masa dahulu golongan muda juga terlibat dalam kegiatan penanaman padi. Kebanyakan anak-anak muda tidak bersekolah selepas tamat darjah enam dan mereka dibawa oleh ibu bapa mereka ke sawah padi untuk membantu mereka mengerjakan sawah padi. Hubungan rapat di antara masyarakat Siam dengan Melayu setempat ini wujud di kalangan tua dan juga orang muda.

Sekarang hubungan rapat di antara masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu setempat masih wujud. Ini dapat dilihat hasil dari pemerhatian pengkaji, golongan tua dalam masyarakat Siam sering bertemu dengan golongan tua masyarakat Melayu di gerai-gerai makanan dan kedai-kedai runcit. Hal ini sering berlaku pada waktu pagi, iaitu selepas menghantar anak-anak ke sekolah kebanyakan mereka akan mengunjungi kedai makanan di Kampung Tanjung. Sambil makan atau minum, anggota dapat berinteraksi sesama mereka. Selain itu, mereka juga sering berjumpa ketika membeli barang keperluan harian di kedai-kedai runcit. Mereka sering bertegur sapa dan juga sering mengunjungi antara satu sama

lain dan hubungan ini wujud hingga sekarang. Selain daripada itu apabila kenduri perkahwinan diadakan mereka sering menjemput di antara satu sama lain.

Hubungan di antara anak-anak muda Siam dan Melayu juga masih rapat kerana mereka belajar di sekolah yang sama samada peringkat rendah atau menengah. Pergaulan mereka semasa di sekolah setiap hari telah mewujudkan hubungan yang baik di kalangan mereka. Mereka juga sering main bersama dan jika ada masalah pembelajaran di sekolah mereka akan berbincang di antara satu sama lain.

Tetapi hubungan yang rapat ini mungkin terjejas apabila mereka masuk ke alam pekerjaan kerana ramai anak muda samada Siam atau Melayu berhijrah ke tempat lain untuk mencari pekerjaan terutamanya ke bandar-bandar besar.

4.1.4.2 Hubungan masyarakat Siam dengan Masyarakat Cina

Hubungan masyarakat Siam dengan masyarakat Cina di kawasan kajian adalah baik dan rapat dari sejak dahulu lagi. Ini disebabkan berlakunya perkahwinan campur di antara masyarakat Siam dan Cina. Hubungan perkahwinan ini telah menyebabkan wujudnya perasaan kekeluargaan di antara masyarakat Cina dan Siam. Masyarakat Cina di sini juga merupakan golongan peniaga kedai runcit yang menjadi pembekal barangan keperluan harian kepada masyarakat setempat. Dari dahulu hingga sekarang, masyarakat tersebut bergiat aktif dalam perniagaan di kampung ini. Terdapat tiga buah kedai runcit di kampung

ini, oleh sedemikian hubungan mereka adalah sebagai pelanggan dengan penjual sejak dahulu lagi.

Masyarakat Cina juga terlibat dalam aktiviti keagamaan seperti masyarakat Siam. Masyarakat Cina juga menganuti agama Buddha seperti masyarakat Siam. Apabila ada sesuatu upacara keagamaan di wat, masyarakat Cina juga turut terlibat bersama masyarakat Siam. Misalnya apabila musim perayaan *Thot Khatin* (pemberian wang dan busana keagamaan kepada pihak wat), masyarakat Cina juga turut menderma wang atau barang kepada pihak wat. Selain daripada itu, masyarakat Cina juga menderma barang kepada wat sekiranya mereka tahu masyarakat Siam sesuatu majlis keagamaan di wat. Misalnya, masyarakat Cina akan menyumbangkan barang mereka dalam bentuk makanan yang mereka miliki untuk *tam bun* (buat pahala) kepada wat. Oleh kerana majoriti orang Cina di kampung ini dan kawasan sekitarnya iaitu pekan Kuala Nerang merupakan pekedai runcit, ini memudahkan mereka menderma kepada wat. Hubungan sebegini wujud pada masyarakat Siam pada masa dahulu dan ianya kekal sehingga sekarang.

4.2 Kajian Sosio-ekonomi Masyarakat Siam Kampung Tanjung.

Kampung Tanjung merupakan sebuah perkampungan yang majoriti penduduknya adalah keturunan Siam telah mengalami arus pembangunan yang pesat sejak kemerdekaan. Berbagai-bagai perubahan telah berlaku di kampung ini terutamanya dari segi sosioekonomi penduduk kesan daripada pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Perubahan-perubahan yang berlaku terutamanya dari segi pembangunan infrastruktur telah

menyebabkan ekonomi kampung ini berkembang dengan pesat terutamanya dalam sektor pertanian.

4.2.1 Latar Belakang Ketua Isirumah

Kawasan kajian menempatkan 135 ketua isirumah yang terdiri daripada 950 isirumah yang tinggal di kawasan ini. Pengkaji telah mengambil sebanyak 50 ketua isirumah daripada 135 ketua isirumah tersebut sebagai sampel. Daripada 50 responden yang diambil kesemuanya atau 100% adalah ketua isirumah berketurunan Siam dan beragama Buddha. Dari segi umur sebanyak 1 responden (2%) berumur di bawah 30 tahun, manakala 16 responden (32%) berumur di antara 31 hingga 40 tahun, 20 responden (40%) berumur 41 hingga 50 tahun dan akhirnya 13 responden (26%) berumur lebih dari 51 tahun.

Daripada 50 responden tersebut 44 responden (88%) adalah status berkahwin, manakala 1 responden (2%) duda dan janda sebanyak 5 responden (10%). Berdasarkan kajian yang dijalankan didapati sebanyak 37 responden (74%) merupakan penduduk asal kampung ini. Selebihnya 13 responden (26%) adalah berasal daripada tempat lain seperti Kampung Naka, Padang Kerbau, Kampung Lampam, Kampung Tanah Merah, Kampung Padang Peliang, Kampung Titi Akar dan lain-lain. Ini berlaku disebabkan oleh faktor perkahwinan kerana secara umumnya perkahwinan dalam masyarakat keturunan Siam adalah berbentuk eksogami, iaitu perkahwinan anggota dalam kampung dengan individu kampung lain. Ini bertepatan dengan kenyataan Goode (1991: 85) bahawa perkahwinan

eksogami seseorang dalam anggota masyarakat itu akan berkahwin dengan seseorang di luar lingkungan sanak atau di luar kampungnya.

Berdasarkan 50 ketua isirumah sebagai responden didapati 5 responden (10%) mempunyai ahli isirumah kurang daripada 3 orang. Manakala 26 responden (52%) 4 hingga 6 orang, 16 responden (32%) 7 hingga 9 orang dan sebanyak 3 responden (6%) mempunyai ahli isi rumah di antara 10 hingga 12 orang. Ini menunjukkan kebanyakan penduduk keturunan Siam di sini mempunyai ahli keluarga yang ramai dan dari pemerhatian pengkaji kebanyakan ahli isirumah adalah mereka yang tidak produktif dan masih bersekolah.

4.2.2 Aktiviti Ekonomi Penduduk Kampung Tanjung.

Kegiatan ekonomi masyarakat kampung atau masyarakat desa ialah kegiatan pertanian. Masyarakat tersebut terkenal sebagai pengeluar bahan-bahan makanan kepada sesebuah negara . Kegiatan ekonomi dapat dibahagikan kepada dua iaitu ekonomi saradiri dan kegiatan ekonomi komersial. Ekonomi saradiri wujud dalam masyarakat tradisional manakala ekonomi komersial pula wujud dalam masyarakat yang telah mengalami perubahan dalam kegiatan ekonomi masyarakat tersebut. Perubahan ekonomi berlaku akibat pembaharuan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran dan menambahkan pendapatan di kalangan sesebuah masyarakat. Syed Husin Ali (dalam Rahimah Abdul Aziz: 46) pernah menyatakan bahawa pembangunan ekonomi adalah bertujuan untuk menaikkan taraf hidup sebahagian besar masyarakat. Perubahan

ekonomi berlaku disebabkan oleh pengaruh kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, sistem pengangkutan, penggunaan teknologi moden, sistem pendidikan dan sebagainya dalam masyarakat.

4.2.2.1 Kegiatan Penanaman Padi

Kegiatan ekonomi utama masyarakat Siam di kampung ini adalah penanaman padi. Aktiviti penanaman padi ini dijalankan sejak turun-temurun lagi. Boleh dikatakan bahawa kehidupan anggota masyarakat tersebut telah sebatian dengan penanaman padi.

Daripada 50 responden yang disoal selidik oleh pengkaji terdapat 31 responden (62%) daripadanya adalah merupakan pesawah padi. Ini menunjukkan sebahagian besar daripada penduduk kampung ini menjalankan kegiatan penanaman padi sebagai pekerjaan utama mereka. Pada masa dahulu (sebelum tahun 1980) padi hanya ditanam sekali setahun sahaja. Proses penanamannya dilaksanakan secara tradisional yang hanya bergantung kepada air hujan kerana tiada sistem pengairan yang sempurna. Kebanyakan kerja-kerja di sawah dikendalikan oleh tenaga manusia seperti membajak, menyemai, menanam dan menuai. Menurut responden Encik Sompong a/l Endin Prom (46 tahun) menyatakan pada masa dahulu para petani mengerjakan sawah mereka apabila musim hujan bermula iaitu dalam bulan Mei atau Jun setiap tahun. Sebagai langkah permulaannya mereka membersihkan sawah-sawah mereka yang lama terbiar dan membuat batas-batas untuk menahan air hujan. Sekitar bulan Julai para pesawah menabur benih padi untuk dijadikan

anak semaian . Lebih kurang sebulan selepas itu anak-anak padi semaian itu akan ditanam di sawah.

Pesawah pada masa dahulu menanam padi dengan menggunakan kuku kambing atau tangan dan pekerjaan ini selalunya sering dilakukan oleh golongan wanita. Kebanyakan pesawah hanya menggunakan tenaga kerja kaum keluarga untuk menanam padi. Namun begitu pesawah yang memiliki tanah yang luas mengupah orang lain untuk melakukannya. Di samping itu wujud institusi berderau di kalangan anggota masyarakat kampung ini dalam aktiviti penanaman padi. Anggota masyarakat Siam bukan sahaja mengupah tenaga buruh di kalangan orang Siam untuk mengerjakan sawah mereka malah orang Melayu di sekitar kawasan itu juga terlibat dalam kegiatan tersebut. Keadaan ini menyebabkan berlaku hubungan yang rapat di antara orang Siam dengan orang Melayu. Perbezaan etnik tidak menghalang anggota masyarakat tersebut untuk bergiat dalam bidang pertanian. Pada musim menuai pula mereka menggunakan peralatan tradisional seperti sabit, tong memukul padi, dan tenaga manusia. Biasanya ia mengambil masa yang lama untuk dituai.

Selepas tahun 1980an kegiatan penanaman padi dua kali setahun telah mula dijalankan walaupun sistem pengairan tidak disediakan oleh kerajaan dan bergantung sepenuhnya kepada air hujan. Cara penanaman padi pada masa kini telah turut berubah. Kini pesawah telah menggunakan kaedah tabur terus yang diperkenalkan pada tahun 1991. Kaedah ini lebih menjimatkan kos penanaman berbanding dengan cara penanaman menggunakan anak semaian. Pesawah padi hanya perlu menyediakan tanah sawah untuk menabur benih. Traktor telah digunakan untuk membajak sawah padi. Apabila benih telah ditabur, mereka

hanya menunggu masa untuk menyulam padi yang tidak tumbuh. Mereka mula menyulam padi ketika padi berumur kira-kira sebulan. Aktiviti menyulam padi ini kebanyakannya dilakukan oleh golongan wanita dan kadang kala diupah kepada orang lain untuk mengerjakannya. Selain daripada itu teknologi moden juga telah digunakan seperti mesin penyembur racun, baja kimia, benih bermutu dan mesin menuai padi. Petani hanya mengambil masa yang singkat untuk menuai hasil mereka jika berbanding masa dahulu.

Dalam menjalani aktiviti penanaman padi pasti wujud masalah-masalah yang menghalang tumbesarnya seperti masalah rumput rampai, serangga perosak, tikus, ketam dan sebagainya. Selain daripada itu saiz tanah yang semakin mengecil akibat proses pembahagian tanah pusaka telah menyebabkan tanah bendang tersebut tidak ekonomik untuk diusahakan. Daripada kajian yang dijalankan ke atas 50 responden, kira-kira 15 responden (30%) mempunyai tanah yang kurang daripada 2 ekar, 28 responden (56%) di antara 2-4 ekar, 3 responden (6%) 4 hingga 6 ekar, 3 responden (6%) 6 hingga 8 ekar dan 1 responden (2%) sahaja yang mempunyai tanah sawah di antara 8 hingga 10 ekar. Tiada seorang pun daripada mereka mempunyai tanah melebihi 10 ekar. Jadi jelas kebanyakan mereka mempunyai keluasan tanah yang tidak ekonomik.

Daripada hasil kajian juga didapati kebanyakan mereka memperolehi tanah sawah tersebut secara pusaka iaitu sebanyak 48 responden atau 96%. Manakala 2 responden sahaja yang diperolehi melalui usaha mereka sendiri. Mereka juga menghadapi masalah peningkatan dalam kos pembajakan dan menuai padi. Di kampung ini kos membajak telah meningkat dari RM50.00 serelong pada tahun 1995 kepada RM90.00 serelong pada tahun

2000. Manakala kos menuai pula naik dari RM8.00 seguni pada tahun 1995 kepada RM12.00 seguni pada tahun 2000. Begitu juga kos membeli baja, racun rumpai dan racun serangga yang semakin meningkat dari tahun ke setahun. Pesawah di sini juga menghadapi masalah kemarau kerana mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada air hujan kerana sistem pengairan tidak disediakan.

4.2.2.2 Penoreh Getah

Kegiatan pertanian lain yang diusahakan oleh penduduk Kampung Tanjung ialah getah. Namun hanya sebahagian kecil sahaja penduduk di kampung ini yang mengusahakan kebun getah kerana tumpuan utama adalah penanaman padi. Tetapi akibat ketidakpastian dalam penanaman padi seperti kemarau, kos penanaman yang tinggi, serangan serangga perosak dan lain-lain maka ada sebilangan kecil penduduk telah mula beralih kepada penanaman getah.

Daripada kajian yang dijalankan didapati hanya 5 responden (10%) sahaja yang bekerja sebagai penoreh getah sebagai pekerjaan utama mereka. Tetapi terdapat juga yang menjadikan kegiatan menoreh getah sebagai pekerjaan sampingan terutamanya penanam padi. Namun dari maklum balas penduduk, mereka yang telah beralih ke tanaman getah telah meningkat. Ada di antara mereka yang telah menanam sebahagian daripada sawah padi dengan tanaman getah. Jadi sementara menunggu getah mereka mencapai umur matang untuk ditoreh, maka mereka menjalankan kegiatan menanam padi.

Bagi meningkatkan penyertaan penduduk dalam penanaman getah, kerajaan melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah memberi pelbagai bantuan seperti bantuan kewangan, benih-benih anak getah, racun, baja, kemudahan penjualan hasil getah, pembersihan tanah dan sebagainya. Misalnya kerajaan telah memperkenalkan Program Penanaman Semula Getah. RISDA telah diamanahkan untuk menjalankan program tersebut. Menurut Encik Mohd Roslan Bin Bakar, pegawai RISDA di Pejabat RISDA, Kuala Nerang, pihak RISDA telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pekebun yang ingin menyertai skim yang disediakan oleh pihaknya. Menurutnya lagi ini sambutan daripada penduduk keturunan Siam di kampung ini amat menggalakan terutamanya dalam program Penanaman Semula Getah. Pihak RISDA menyediakan semua kemudahan kepada pekebun yang ingin menanam semula getah mereka seperti bantuan pembersihan tanah (land clearance), bantuan anak-anak benih yang bermutu, racun rumpai, baja dan bantuan kewangan. Menurut Encik Roslan Bin Bakar pada masa sekarang, bantuan yang diberikan ialah berdasarkan jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Pecahan Ansuran Bantuan Tanaman Semula / Baru Sehektar Bagi

Tanaman Getah untuk Permohonan 1995 dan seterusnya.

Ansuran Bantuan	40,468 hektar dan ke bawah (RM)	Lebih daripada 40,468 hektar (RM)
1	1,900.00	1,400.00
2	1,100.00	700.00
3	800.00	600.00
4	800.00	600.00
5	800.00	600.00
6	777.62	300.78
Jumlah	6,177.60	4,200.78

Selain daripada bantuan penanaman semula yang diuruskan oleh RISDA melalui anak syarikatnya RISDA Wood Sdn Bhd. (RWSB) yang menjalankan pembersihan tanah (land clearance) dan proses penanaman getah oleh RISDA Smaller Plantation Sdn Bhd (RSPSB), RISDA juga menyediakan kemudahan pemasaran melalui anak syarikatnya RSPSB Marketing. Namun kemudahan ini kurang mendapat sambutan daripada penduduk Kampung Tanjung ini.

Kegiatan penanaman getah di kampung ini juga menghadapi masalah kerana saiz tanah yang kecil dan tidak ekonomik. Selain daripada itu harga getah yang tidak stabil juga menyebabkan pendapatan pekebun kecil getah tidak menentu. Tambahan pula harga getah yang rendah sekarang ini menyebabkan penduduk yang bergantung sepenuhnya kepada getah telah mengalami kejatuhan dalam pendapatan mereka.

4.2.2.3 Pekerja Swasta

Di antara pekerjaan swasta yang diceburi oleh penduduk kampung ini ialah seperti bekerja di Syarikat Gula Padang Terap Sdn Bhd, Pusat Peranginan Pedu Lake Resort, bank, Syarikat Kenderaan HBR Sdn Bhd, pusat membeli belah dan bengkel membaiki kereta dan motorsikal di bandar-bandar berhampiran seperti Kuala Nerang, Pokok Sena dan Alor Setar. Anak-anak muda di kampung ini ada setengahnya telah berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang untuk bekerja di kilang-kilang.

Daripada kajian yang dijalankan ke atas 50 responden didapati sebanyak 7 responden atau 14 peratus daripadanya bekerja dengan pihak swasta. Daripada jumlah tersebut sebahagian besar adalah bekerja dengan Syarikat Gula Padang Terap Sdn Bhd iaitu 3 responden, Pusat Peranginan Pedu Lake Resort 2 responden dan Syarikat Kenderaan HBR Sdn Bhd 2 responden.

Syarikat Gula Padang Terap Sdn Bhd menjalankan kegiatan penanaman tebu secara giat di sekitar daerah Padang Terap dan menyediakan pelbagai jenis pekerjaan kepada penduduk di kampung ini. Di antara pekerjaan yang melibatkan penduduk kampung ini ialah seperti pengawal ladang, pembantu ladang, penolong pegawai pertanian, buruh ladang, pemandu, mandor, kerani dan sebagainya. Manakala Pusat Peranginan Pedu Lake Resort yang terletak kira-kira 30 kilometer ke utara kampung ini pula menyediakan pelbagai jenis pekerjaan seperti pekerja am, pemotong rumput, tukang sapu, waiter dan pelayan restoran di Hotel Holiday Inn dan Desa Utara.

Biasanya pekerja kedua-dua syarikat dia atas disediakan kemudahan seperti van dan bas. Daripada keseluruhan jumlah penduduk Kampung Tanjung seramai 950 orang, 23 orang merupakan di Syarikat Gula Padang Terap Sdn Bhd dan 16 orang bekerja di Pusat Peranginan Pedu Lake Resort. Selain daripada itu 4 orang bekerja dengan Syarikat Kenderaan HBR Sdn Bhd iaitu sebagai pemandu dan konduktor bas. Seorang bekerja di Bank of Commerce di Kuala Nerang sebagai Kerani dan 7 orang di pusat membeli belah di Kuala Nerang dan Alor Setar.

Selain daripada itu terdapat juga terdapat golongan muda yang berhijrah mencari pekerjaan di kawasan lain seperti di Kulim, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Di antara pekerjaan yang diceburi oleh mereka ialah bekerja di kilang-kilang di kawasan perusahaan di bandar-bandar tersebut, pembantu kedai , pekerja restoran dan pegawai di syarikat swasta.

4.2.2.4 Pekerja Kerajaan

Pekerjaan yang diceburi oleh penduduk Kampung Tanjung selain daripada pesawah padi, penoreh getah dan pekerja swasta ialah sebagai kakitangan kerajaan. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah penduduk kampung ini yang berkhidmat dengan kerajaan.

Jadual 2: Jenis perkhidmatan kerajaan yang diceburi oleh penduduk Kampung Tanjung.

Jenis pekerjaan	Bilangan
Guru Siswazah	3
Polis	3
Pemandu Kesihatan	1
Pembantu Tadbir	1
Juru rawat	2
Pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR)	1
Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	1
Jumlah	12

Dari jadual di atas, di dapati jumlah penduduk kampung ini yang berkhidmat dengan kerajaan ialah seramai 12 orang. Daripada jumlah ini 3 orang sebagai guru siswazah, 3 sebagai anggota polis, 1 pembantu tadbir, 2 jururawat, 1 pegawai BPR, 1 pegawai dalam

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 1 sebagai pemandu di jabatan kesihatan. Daripada jumlah tersebut di atas iaitu meliputi 1.3% daripada jumlah penduduk di kampung ini. Kebanyakan daripada mereka berkhidmat di luar negeri Kedah iaitu 7 orang dan di dalam negeri Kedah seramai 5 orang.

4.2.2.5 Berniaga

Kampung Tanjung juga merupakan tempat bagi penduduk di kampung-kampung persekitaran seperti Kampung Seledang Rebah, Kampung Tanjung Luar, Kampung Pinang, Kampung Musa, Kampung Tanah Merah dan Kampung Padang Setul datang untuk membeli barang-barang keperluan harian mereka. Ini kerana Kampung Tanjung merupakan sebuah pekan kecil di Mukim Pedu yang mempunyai deretan kedai-kedai seperti kedai runcit, kedai makanan dan minuman serta bengkel membaiki kereta, motorsikal dan basikal. Jadual 3 di bawah menunjukkan jenis-jenis perniagaan yang terdapat di kampung ini.

Jadual 3: Jenis perniagaan yang terdapat di Kampung Tanjung.

Jenis perniagaan	Bilangan
Runcit	7
Makanan dan minuman	6
Bengkel mambaiki basikal dan motorsikal	4
Bengkel mengecat kereta	1
Jumlah	18

Berdasarkan jadual di atas terdapat 18 buah kedai di kampung ini iaitu 7 buah adalah kedai runcit yang menjual pelbagai jenis barangan keperluan harian seperti beras, gula, susu, minyak, barangan keperluan dapur dan sebagainya. Manakala sebanyak 6 buah kedai menjual makanan dan minuman seperti nasi, pelbagai jenis mee, kuih muih dan berbagai jenis minuman. Selain daripada itu terdapat 4 buah bengkel memperbaiki basikal dan motorsikal dan sebuah bengkel membaiki kereta. Jadi jelas bahawa Kampung Tanjung menjadi tumpuan penduduk di kawasan sekitarnya untuk mendapat barangan keperluan harian termasuk membaiki kenderaan mereka.

4.2.2.6 Buruh Kasar

Selain daripada pekerjaan di atas terdapat juga penduduk di kampung ini yang menjadi buruh kasar seperti buruh kontrak, buruh ladang, tukang rumah mengambil upah di kebun-kebun tembikai dan cabai yang diusahakan oleh tauke-tauke Cina, mengambil upah menyembur racun di kebun-kebun getah dan sawah padi dan sebagainya.

Kebanyakan daripada mereka menjalankan pekerjaan ini sebagai pekerjaan sampingan iaitu sementara menunggu musim menuai padi atau apabila tiada kerja di sawah-sawah padi kepunyaan mereka. Oleh itu mereka memperolehi pendapatan sampingan dengan melakukan kerja-kerja tersebut.

4.2.3 Pemilikan Harta

Pemilikan harta seringkali dikaitkan dengan kekayaan seseorang. Orang yang memiliki harta di anggap sebagai orang kaya dan sebaliknya orang yang kurang memiliki harta dianggap miskin atau rendah statusnya . Pendapat ini sering terdapat dalam masyarakat moden.

Masyarakat dahulu kurang memikirkan tentang kuantiti dan kualiti harta yang mereka miliki. Mereka lebih memberi penumpuan terhadap kegiatan pertanian untuk menyara hidup mereka. Ini adalah berpandu kepada agama Buddha yang menyeru penganutnya memilih *Thang Sai Klang* (jalan tengah) sebagai landasan kehidupan harian iaitu kesederhanaan (Bhikku Khantipalo 1974: 6). Masyarakat Siam pada masa itu lebih mementingkan alat-alat yang digunakan untuk kegiatan ekonomi serta keperluan harian mereka.

Pada masa sekarang pemilikan harta yang banyak melambangkan status seseorang. Di antara harta yang menjadi lambang status seseorang ialah barang kemas, harta berbentuk hartanah seperti tanah dan rumah, peralatan elektrik dan perabut berkualiti tinggi, kereta dan sebagainya. Perkara ini jelas berlaku dalam masyarakat moden yang terdapat pelbagai kemudahan infrastruktur. Ekoran daripada adanya bekalan elektrik, didapati setiap rumah memiliki pelbagai alatan elektrik samada untuk meringan kerja-kerja harian atau sebagai hiburan. Antara alat yang terdapat dalam hampir setiap rumah ialah televisyen. Dengan itu tidak hairanlah kenapa masa lapang masyarakat kini terutama golongan muda dan kanak-kanak banyak dihabiskan di depan kaca televisyen. Pelbagai rancangan menarik dipaparkan

di kaca televisyen samada siaran tempatan mahupun siaran negara jiran (Thailand) telah menambahkan lagi minat masyarakat untuk menonton televisyen.

Daripada 50 responden yang disoal selidik, berikut adalah senarai barangan elektrik dan kenderaan yang dimiliki oleh penduduk Kampung Tanjung.

Jadual 4: Jenis-jenis peralatan elektrik dan kenderaan yang dimiliki oleh penduduk Kampung Tanjung.

Jenis alat	Bilangan keluarga	Peratus
Televisyen	47	94
Radio	42	84
Video	26	52
Peti sejuk	42	84
Mesin membasuh	23	26
Dapur gas	49	98
Kipas angin	49	98
Periuk elektrik	43	46
Cerek elektrik	19	38
Kusyen	37	74
Sterika	26	52
Penyaman udara	1	2
Basikal	50	100
Motorsikal	50	100
Kereta	10	20

Jadual 4 di atas menunjukkan pemilikan kelengkapan rumah di kalangan 50 responden di Kampung Tanjung. Alat yang dimiliki oleh hampir kesemua responden ialah televisyen sebanyak 94%, dapur gas 98%, kipas angin 98%, periuk elektrik 96%, radio kaset 84%, peti sejuk 84% dan kusyen 74%. Lain-lain peralatan elektrik ialah seperti video 52%, mesin basuh 46%, cerek elektrik 38%, sterika elektrik 52% dan penyaman udara 2%. Alat-alat

elektrik digunakan untuk memudah dan mempercepatkan mereka melakukan sesuatu pekerjaan terutama golongan suri rumah dalam menguruskan soal rumah tangga mereka. Pemilikan peralatan elektrik dan perabut berkualiti merupakan perubahan citarasa dan telah menjadi alat pengukur atau penentu status yang nyata dalam masyarakat di kampung ini.

Daripada hasil kajian, pengkaji mendapati kesemua masyarakat Siam di kampung ini mempunyai basikal dan sekurang-kurangnya sebuah motorsikal. Di dapati juga dalam sebuah keluarga memiliki melebihi sebuah. Malah ada setengah keluarga memiliki 3 buah motorsikal. Memiliki banyak motorsikal yang banyak dalam sesebuah keluarga adalah untuk keperluan di kalangan ahli keluarga. Dahulu kenderaan seperti motorsikal dan basikal digunakan oleh anggota masyarakat kampung untuk mengangkat hasil pertanian sahaja, tetapi kini anak-anak muda menggunakan motorsikal sebagai pengangkutan mereka ke sekolah. Ini membolehkan anggota masyarakat bergerak dari satu tempat ke satu tempat dengan pantas dan selesa.

Daripada 50 responden, pengkaji juga mendapati sebanyak 10 responden (20%) mempunyai kereta. Ini menunjukkan kemampuan penduduk kampung ini untuk memiliki kereta. Tetapi hampir kesemua daripada mereka yang membeli kereta itu membayarnya secara ansuran dan hanya 2 responden sahaja membayar secara tunai. Kebanyakannya membeli kereta terpakai.

Bentuk rumah yang dimiliki oleh anggota masyarakat Siam di kampung ini, kini telah menunjukkan perubahan. Ia menunjukkan perubahan daripada bentuk rumah masyarakat

dahulu yang terdiri rumah kayu yang berdingkan buluh atau papan dan beratapkan daun nipah serta mempunyai anjung untuk menyambut tetamu yang hadir ke rumah mereka kepada bentuk yang lebih moden iaitu diperbuat daripada bata, simen, berlantaikan mozek serta atap zink atau asbestos. Daripada kajian yang dijalankan didapati 41 responden (82%) rumah berbentuk rumah kampung tetapi beratap zink atau asbestos serta dibina dengan menggunakan simen dan bata. Manakala 7 orang adalah rumah teres dan akhir 2 orang adalah golongan yang mendapat rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Keadaan rumah agak memuaskan iaitu 37 responden (74%) dalam keadaan sederhana dan 13 responden (26%) berkeadaan baik. Hampir kesemua rumah ini 43 responden iaitu 96% digunakan untuk kediaman manakala 2 responden (4%) digunakan untuk kediaman dan perniagaan. Jadi mereka yang mempunyai yang berkeadaan baik ini dianggap mempunyai status yang lebih tinggi berbanding dengan orang lain.

Dari segi pemilikan tapak rumah pula sebanyak 40 responden (80%) dibina di atas tanah sendiri, manakala 7 responden (14%) dibina di atas tanah kerajaan dan diberi taraf pas tumpang, 2 responden (4%) di atas tanah orang lain dan seorang responden (2%) merupakan penyewa. Taraf pemilikan rumah pula 49 responden merupakan rumah sendiri dan hanya 1 responden (2%) menyewa rumah orang lain.

Di samping itu, masyarakat Siam di sini juga sedar tentang betapa pentingnya mereka menabung untuk masa hadapan. Kebanyakan mereka menabung dibank-bank seperti Bank Simpanan Nasional dan Bank of Commerce kerana hanya dua bank ini sahaja beroperasi di pekan Kuala Nerang. Selain daripada itu mereka juga menabung di amanah saham

seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Kedah (ASK). Ini kerana masyarakat Siam diberi keistimewaan untuk melabur dalam ASB dan ASN seperti golongan bumiputera. Daripada 50 responden didapati 43 responden mempunyai akaun bank, manakala 23 responden melabur dalam ASK, 13 responden melabur dalam ASN dan 36 responden melabur dalam ASB. Tindakan yang diambil oleh penduduk kampung ini mungkin kerana mereka sedar bahawa menyimpan wang di bank atau melabur dalam amanah saham adalah lebih selamat dan menguntungkan berbanding dengan menyimpannya di rumah seperti genarasi yang lalu. Mereka mendapat maklumat tentang kepentingan melabur melalui ceramah-ceramah yang diberikan oleh pihak tertentu atau melalui kawan-kawan mereka.

4.2.4 Kemudahan Infrastruktur

Keadaan infrastruktur di Kampung Tanjung boleh dikategorikan sebagai baik kerana hampir semua kemudahan asas terdapat di sini. Kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan ialah seperti jalanraya yang menghubungkan kampung ini ke pekan Kuala Nerang di bahagian selatan dan Pusat Peranginan Pedu Lake Resort dan terus ke Sik di utara. Keadaan jalanraya adalah baik dan terdapat perkhidmatan bas MARA yang mengambil penduduk ke pekan Kuala Nerang. Mengikut Rancangan Pembangunan Daerah Padang Terap dari tahun 1995-2000, kerajaan melalui Pejabat Daerah Padang Terap akan menaikkan taraf jalan Kuala Nerang - Pedu iaitu sepanjang 14 kilometer dengan lebarnya 20 meter. Ini memandangkan jalan ini menjadi jalan utama ke Pusat Peranginan Pedu Lake Resort.

Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan mini tar di semua bahagian kampung ini. Mengikut Encik Kim Lai a/l Endin Ki, Pengerusi JKKK Kampung Tanjung, kampung ini hanya memerlukan mini tar tambahan sepanjang satu kilometer sahaja untuk menghubungi kesemua kawasan kerana mini tar yang sedia ada iaitu sepanjang 5 kilometer telah hampir sempurna untuk jalan-jalan di kampung ini. Tambah beliau, hanya longkang sahaja yang kurang sempurna dan sekarang ini beliau telah memohon daripada kerajaan untuk menyediakan longkang berbentuk 'V' tetapi belum mendapatkan maklum balas.

Kampung ini juga disediakan dengan kemudahan elektrik, air telefon. Daripada kajian yang dijalankan, kesemua penduduk mendapat bekalan elektrik dan air. Manakala kemudahan telefon pula daripada 50 responden yang diselidiki didapati 28 responden (56%), mempunyai telefon di rumah. Di samping itu terdapat 2 buah telefon awam yang disediakan oleh pihak Telekom untuk kegunaan penduduk yang tidak mempunyai telefon di rumah.

Untuk kemudahan penduduk di kampung ini mengerjakan aktiviti keagamaan terdapat sebuah wat atau kuil Buddha di tengah-tengah kampung ini. Wat atau kuil inilah menjadi tempat paling penting bagi penduduk Kampung Tanjung ini kerana di sinilah tempat mereka berhimpun dan menjalankan kegiatan agama dan sosial. Wat ini juga menjadi tempat mereka bermesyuarat apabila ada perkara penting untuk disampaikan kepada penduduk kampung.

Penduduk kampung ini juga sedar tentang pentingnya amalan kesihatan yang sihat dan baik. Daripada 50 responden yang dikaji, kesemua iaitu 100% menggunakan tandas curah. Berhampiran dengan kampung ini terdapat dua buah klinik desa iaitu di Kampung Musa dan Kampung Pinang. Tetapi kebiasaannya mereka akan pergi ke Hospital Daerah di Kuala Nerang apabila jatuh sakit. Ini dinyatakan oleh kesemua 50 responden yang dikaji. Selain daripada itu terdapat sebuah balai polis untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk kampung apabila berlaku kegiatan jenayah atau kegiatan yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Dengan adanya balai ini maka penduduk merasakan keselamatan mereka terjamin dan hidup dengan keadaan aman damai.

Di kampung ini juga terdapat sebuah dewan orang ramai dan dewan ini digunakan untuk kelas tabika untuk kanak-kanak. Tetapi malangnya kelas ini telah dihentikan selepas kemenangan parti PAS di kawasan Parlimen dan Adun Pedu. Untuk kemudahan penduduk apabila berlaku kematian atau mengadakan kenduri perkahwinan, pihak kerajaan pada tahun 1995 telah membekalkan 50 buah kerusi dan 10 buah meja bernilai RM1,500.00. Di samping itu kerajaan juga membekalkan balai berangka besi bernilai RM2,000.00 serta mosaic untuk wat kampung ini bernilai RM2,000.00. (Laporan Tahunan Penghulu Mukim Pedu 1996-2000).

Untuk kemudahan penduduk kampung, pada tahun 1996 kerajaan telah memperbaiki titi yang menghubungkan kampung ini dengan Kampung Klong Sai dengan perbelanjaan sebanyak RM3,500.00. Ini kerana titi yang merentasi Sungai Padang Terap iaitu sebuah

sungai yang mengalir melalui kampung ini digunakan oleh penduduk untuk menjalankan kegiatan ekonomi mereka.

Menurut Encik Kim Lai a/l Endin Ki, beliau telah mengemukakan permohonan baru kepada Dato' Dr. Haji Othman Bin Haji Ishak, Exco Pendidikan dan Pembangunan Usahawan kerana kawasan ini merupakan kawasan angkat beliau. Di antara projek-projek baru yang dikemukakan ialah pembukaan semula kelas tabika, pagar dan bilik air dewan orang ramai Kampung Tanjung, rumah wakaf kubur, dewan belajar Bahasa Thai di wat Kampung Tanjung dan peralatan rumah kenduri seperti khemah, meja dan kenduri. (Lihat lampiran).

Selain daripada itu kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menaik taraf jalan dari Kampung Tanjung ke Kampung Belukar Luas melalui kampung Bunga sepanjang 5 kilometer. Jalan ini pada awalnya merupakan jalan tanah merah telah diturap dengan tar. Ini memberi faedah kepada hampir 60% penduduk kampung ini kerana sebahagian besar kawasan sawah padi dan kebun getah mereka terletak di sepanjang jalan ini.

4.2.5 Taraf Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu aset yang penting kepada seseorang manusia. Pendidikan dianggap sebagai cara terpenting dalam mencapai kemajuan atau permodenan, baik di peringkat individu mahupun di peringkat masyarakat. Seorang ahli teori modenisasi iaitu Lerner (dalam foster-Carter 1989: 130), telah mengatakan bahawa pendidikan memainkan

peranan penting dalam membantu orang moden dan mudah menyesuaikan diri , yang mempunyai ciri-ciri bersikap rasional dan empati iaitu keupayaan merasa pengalaman orang lain. Dengan adanya pendidikan, maka secara tidak langsung sesuatu masyarakat itu akan berubah. Perubahan yang berlaku adalah dari keadaan yang sedia ada kepada keadaan yang lebih baik dan lebih moden.

Kerajaan berpendapat bahawa pendidikan mempunyai tiga manfaat, iaitu dari segi ekonomi, politik dan budaya (Foster-Carter 1989: 129). Dari segi ekonomi, pendidikan akan menyediakan pekerja terlatih yang akan membantu dalam menjalankan pembangunan. Pekerja terlatih ini termasuk pentadbir yang cekap, pengusaha yang bijak, kerani yang berpendidikan, pekerja-pekerja mahir dan kaum tani yang mempunyai pengetahuan sains. Dari segi politik pula, pendidikan membantu tugas penting membina sesuatu bangsa dengan menyatukan kelompok etnik dan suku bangsa yang berbagai kaum. Ini merupakan tugas penting dalam sosialisasi politik serta kawalan sosial. Keadaan ini adalah bersesuaian dengan konteks negara Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum. Manakala dari segi budaya pula, pendidikan dapat menghapuskan kejahilan, kepercayaan tahyul serta kemunduran dan dengan itu ia dapat membina masyarakat moden yang mempunyai kesedaran baru.

Menyedari hakikat ini pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan dalam sektor pendidikan. Kerajaan telah mengadakan pusat pendidikan formal, iaitu sekolah di mana terdapat guru yang menjadi kakitangan pengajar kepada pelajar (kanak-kanak dan remaja) dan mengajar berpandukan cara pembelajaran khusus menggunakan kurikulum dan buku

teks yang ditetapkan. Skim pinjaman buku teks kepada pelajar miskin juga merupakan satu galakan kerajaan kepada generasi muda dalam dunia pendidikan. Masalah pelajar miskin ini sering berlaku ke atas pelajar luar bandar. Kebanyakan ibu bapa di luar bandar bekerja sebagai petani dan pendapatan yang diperolehi adalah tidak seberapa. Keadaan ini menyebabkan terdapat golongan yang kurang mampu untuk membiayai persekolahan anak-anak mereka. Pihak kerajaan berusaha agar golongan yang kurang bernasib baik ini mempunyai peluang memperolehi pengetahuan seperti golongan lain dengan harapan mereka dapat menggunakan pengetahuan tersebut untuk kegunaan yang berfaedah kepada penghidupan mereka kelak.

Daripada hasil kajian didapati masyarakat Siam di Kampung Tanjung ini sedar akan kepentingan pendidikan. Golongan ibu bapa sedar bahawa pendidikan merupakan aset masa depan yang penting. Dengan adanya pendidikan atau pengetahuan seseorang itu dapat menjalani hidup dengan lebih sempurna. Golongan ibu bapa ingi melihat anak-anak mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik daripada apa yang mereka lakukan sekarang iaitu sebagai pesawah padi atau penoreh getah. Mereka mahukan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna agar kehidupan anak-anak mereka berubah. Di samping itu, ibu bapa yang mempunyai anak-anak berpendidikan tinggi akan dipandang tinggi oleh masyarakat di sekelilingnya. Jadual 5 di bawah menunjukkan bilangan kanak-kanak dan remaja Siam yang belajar di institusi peringkat sekolah di kampung ini.

Jadual 5: Senarai jumlah pelajar keturunan Siam yang belajar di tadika dan sekolah yang di sekitar Kampung Tanjung.

Sekolah	Bilangan
Tabika Kampung Seledang Rebah	16
Tadika Sekolah Kebangsaan Pedu	3
Sekolah Kebangsaan Pedu	124
SRJK (C) Hua Min	18
Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu	98
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Ahmad	17
Sekolah Menengah Kebangsaan Naka	1
Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena	1

Jadual di atas menunjukkan bilangan kanak-kanak dan remaja Siam di Kampung Tanjung yang sedang belajar di sekolah dan juga tadika. Berdasarkan bilangan tersebut dapat dilihat bahawa kanak-kanak dan remaja di kawasan ini menunjukkan minat yang agak positif dalam pendidikan sekular. Terdapat tadika dan sekolah di kawasan berdekatan. Dua buah tadika (Taman Didikan Kanak-kanak) didirikan iaitu Tadika Kampung Seledang Rebah sebanyak 24 orang kanak-kanak keturunan Siam dari kampung ini, manakala Tadika Sekolah Kebangsaan Pedu sebanyak 3 orang yang merupakan kanak-kanak diawal pra-persekolahan.

Selepas tadika kanak-kanak ini dihantar untuk sekolah rendah samada ke Sekolah Kebangsaan Pedu atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Hua Min di Kuala Nerang. Tetapi sebahagian besar daripada mereka dihantar ke Sekolah Kebangsaan Pedu iaitu seramai 124 orang. Manakala yang dihantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pula seramai 18 orang. Dari kajian yang dijalankan didapati kesemua ibu bapa telah sedar

tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka. Oleh itu kesemua kanak-kanak di Kampung Tanjung ini mendapat pendidikan sekurang-kurangnya darjah enam.

Apabila mereka tamat persekolahan di peringkat darjah enam, didapati hampir kesemua atau 95% telah dihantar oleh ibu bapa mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat menengah terutamanya ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu yang terletak kira-kira 1.5 kilometer daripada kampung ini. Selain daripada itu terdapat juga ibu bapa yang menghantar anak mereka ke Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Ahmad di Kuala Nerang. Daripada kajian yang dijalankan seramai 98 pelajar keturunan Siam belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu, manakala 17 orang belajar di Sekolah Menengah Dato' Syed Ahmad. Di samping itu masing-masing seorang di Sekolah Kebangsaan Pokok Sena dan Sekolah Menengah Kebangsaan Naka.

Jadual 6: Menunjukkan jumlah remaja Kampung Tanjung yang telah tamat pengajian dan sedang mengikuti pengajian di Institusi pengajian di seluruh Malaysia.

Institusi Pengajian Tinggi	Bilangan
Lepasan universiti	6
Universiti Putra Malaysia	1
Universiti Utara Malaysia	1
Universiti Teknologi Malaysia	1
Universiti Malaysia Sarawak	1
Politeknik Seberang Prai	1
Politeknik Sultan Ahmad Syah, Kuantan.	3
Politeknik Jitra (Polimas)	1
Politeknik Johor Baru	3
Politeknik Kota Bharu	1
Jumlah	17

Bilangan anak-anak muda dari kampung ini yang telah menamat pengajian di universiti tempatan adalah seramai 6 orang. Daripada 6 orang ini terdapat dua orang telah menyambung pengajian mereka ke peringkat sarjana iaitu masing-masing di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Manakala yang sedang menuntut di universiti ialah seramai 4 orang iaitu masing-masing seorang di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sarawak Malaysia (UNIMAS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Di peringkat politeknik pula terdapat 8 orang remaja di kampung ini yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat sijil dan diploma di politeknik-politeknik tempatan. Mereka ialah 1 orang di Politeknik Seberang Prai, 3 di Politeknik Sultan Ahmad Syah Kuantan, 3 di Politeknik Johor Baru dan 1 di Politeknik Kota Bharu.

Selain daripada itu Jawatankuasa Wat Kampung Tanjung telah menubuh sebuah kelas bahasa Thai untuk kanak-kanak keturunan Siam yang ingin belajar bahasa Thai. Pada masa ini terdapat 60 orang kanak-kanak yang belajar bahasa Thai di kelas ini. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh sami-sami Buddha yang tinggal di wat yang diketuai oleh ketua sami Wat Kampung Tanjung iaitu Phor Than Prom Sirithammo. Untuk menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah beliau telah membawa masuk dua orang sami daripada Thailand untuk membantu mengajar bahasa Thai. Kanak-kanak juga diberi pendedahan tentang soal-soal keagamaan seperti cara bersembahyang, nilai-nilai murni yang patut diamalkan dan rukun-rukun agama Buddha.

4.2.6 Program-program Pembangunan Kerajaan

Dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk di kampung ini, berbagai-bagai program telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Di antara projek yang dijalankan ialah Projek Pembangunan Pertanian iaitu projek yang dilaksanakan untuk meningkatkan daya pengeluaran getah dengan mempercepatkan program tanaman semula dengan klon-klon yang boleh mengeluarkan kayu balak. Program ini dijalankan ke atas kebun getah yang sedia ada selain kebun getah baru yang dikenalpasti oleh agensi pelaksana. Agensi pelaksana yang diamanahkan oleh kerajaan ialah RISDA, FAMA, MARDI, FELCRA dan juga pihak swasta. Walaupun program ini diperkenalkan oleh kerajaan tetapi sambutan penduduk masih kurang memuaskan. Selain daripada getah, kerajaan juga memperkenalkan Projek Dusun Buah-buahan Komersial. Pada peringkat pertama projek ini akan membantu mengeluarkan buah-buahan dari dusun -dusun sedia ada secara komersial untuk pasaran tempatan iaitu untuk menampung permintaan kawasan-kawasan sekitarnya. Bila pasaran tempatan dapat dipenuhi maka pengeluaran projek ini boleh diperluaskan dan seterusnya dipertingkatkan supaya pengeluaran buah-buahan dapat dieksport ke daerah lain di negeri Kedah, negeri-negeri lain dan ke luar negeri.

Projek 'Satu Kampung Satu Produk' (1K-1P), iaitu industri Kecil Sederhana berasaskan tembikai juga dilaksanakan di kampung ini melalui Jabatan Pertanian, MARDI, MADA dan FAMA. Projek ini dapat mengoptimumkan sumber pengeluaran khasnya tanah yang terbiar. Tetapi malangnya, penduduk kampung ini tidak mengusahakan sendiri projek ini sebaliknya menyerahkan kepada orang lain terutamanya kepada tauke-tauke berbangsa

Cina. Dari hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji didapati terdapat 3 responden yang menyerahkan tanah mereka kepada tauke-tauke Cina untuk mengusahakan tanaman tembikai.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah melaksanakan program Peningkatan Infrastruktur dan Kemudahan Kemasyarakatan dengan menaikkan taraf dan melebarkan jalan Kuala Nerang - Pedu sepanjang 14 kilometer. Begitu juga kerajaan telah memperbaiki titi dan menurapkan jalan dari Kampung Tanjung ke Kampung Belukar Luas. Mini tar di dalam kampung telah dibaikpulih pada tahun 1999 iaitu menjelang pilihanraya yang lepas. Selain daripada itu kerajaan telah membekalkan tenaga elektrik, air dan telefon kepada penduduk di kampung ini.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menjalankan Program Penternakan Lembu dan Ayam kepada penduduk kampung. Kerajaan akan memberi baka lembu dan ayam. Untuk skim baka lembu, selepas lembu itu beranak, anak pertama akan diambil kembali oleh kerajaan dan seterusnya lembu tadi akan menjadi hak milik penduduk berkenaan. Dari kajian yang dijalankan didapati 8 penduduk telah mendapat faedah ini dan 5 lagi mendapat projek ternakan ayam.

Sekarang program ini dikenali sebagai Program Pinjaman Ternakan Tanpa Faedah atau Program Pintaf yang dahulunya hanya diberi seekor untuk seorang penternak tetapi sekarang telah dipinda kepada 10 ekor minima kepada seorang penternak. Ini adalah usaha

terkini pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mengkomersialkan bidang penternakan ini.

Bagi mempelbagaikan hasil keluaran tumpuan juga diberi kepada penternakan puyuh pedaging dan ayam kampung. Di antara perancangan lain ialah termasuk pemberian setiap peserta dengan 5000 ekor puyuh beserta makanan dan peralatan. Komoditi ini akan memberi alternatif kepada pengusaha yang mempunyai kawasan terhad di mana penternakan puyuh tidak memerlukan kawasan yang luas. Sebanyak 75 peserta akan diwujudkan di seluruh negeri Kedah di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan iaitu dari tahun 2001 hingga 2005. Manakala ternakan ayam kampung juga diberi tumpuan kepada pekebun-pekebun kecil. Sebanyak 300,000 ekor ayam kampung akan diberikan kepada 300 peserta dengan berdasarkan 500 ekor anak ayam beserta makanan dan peralatan. Program ini juga dibuka kepada penduduk kampung yang berminat.

Selain benih ternakan, kerajaan melalui RISDA juga memberi bantuan dalam bentuk benih-benih buah-buahan seperti durian, dokong, rambutan, cempedak dan limau bali kepada penduduk kampung yang mengusahakan dusun buah-buahan. Menurut Encik Kim Lai a/l Endin Ki terdapat 32 peserta telah mendapat faedah dari program pemberian baka benih buah-buahan tersebut.

Di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), penduduk yang daif dan tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna telah diberi rumah bernilai dalam lingkungan RM6,000.00. Sebanyak 11 buah rumah PPRT telah dibina oleh kerajaan untuk

golongan ini. Selain daripada itu, kerajaan juga menghulur bantuan kewangan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada keluarga termiskin dan 3 orang masih lagi menerima bantuan ini. Bantuan berbentuk barangan seperti beras, gula, minyak masak dan barangan keperluan dapur yang lain juga diberikan kepada penduduk termiskin yang mempunyai anak-anak berumur di bawah 12 tahun.

Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) juga telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Lembaga Padi dan Beras Negeri (LPN) pada 10 Januari 1980 turut dinikmati oleh pesawah di kampung ini. Skim ini bertujuan memastikan pesawah-pesawah menikmati harga padi yang lebih tinggi serta meninggikan pendapatan mereka di samping memastikan harga beras di pasaran sekarang dapat dikekalkan peringkat yang ditetapkan oleh kerajaan demi untuk kepentingan pengguna beras di seluruh negara.

Terdapat empat objektif yang diutarakan oleh Skim Subsidi Harga Padi. Pertama, ialah untuk menambahkan pendapatan pesawah-pesawah di atas garis kemiskinan negara. Kedua untuk memastikan harga beras di pasaran dapat dikekalkan di peringkat yang ditetapkan oleh kerajaan demi kepentingan pengguna. Ketiga menggalakkan pesawah-pesawah menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk kegunaan di masa hadapan dan keempat ialah meningkatkan taraf pengeluaran padi negara. Pada permulaan skim ini, pesawah diberi bantuan sebanyak RM3.32 dalam bentuk kupon bagi setiap 100 kilogram berat bersih padi yang dijual. Kadar ini dinaikkan kepada RM16.54 bagi setiap 100 kilogram padi pada 17 Oktober 1980. Pada 16 Ogos 1990 nilai tersebut telah dinaikkan lagi sebanyak 50% menjadi kadar tersebut meningkat kepada RM24.81 bagi

setiap 100 kilogram padi yang dijual dan ia berkuatkuasa mulai 1 Jun 1990. Tindakan kerajaan memberi subsidi ini telah menambahkan lagi pendapatan pesawah-pesawah padi dan secara tidak langsung telah menggalakkan pesawah untuk terus bergiat dalam meninggikan pengeluaran padi negara.

Kerajaan juga telah memberi bantuan baja padi melalui Skim Baja Subsidi. Ini bertujuan mengurangkan kos pembelian baja dan racun serangga oleh para pesawah. Terdapat dua jenis baja yang diberikan oleh kerajaan iaitu baja urea dan baja campuran.

Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) diperkenalkan pada tahun 1986 dengan tujuan membantu golongan petani, penternak dan nelayan. Bank Pertanian Malaysia (BPM) telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menguruskan pinjaman tersebut yang melibatkan kelulusan pinjaman serta pembayaran balik. Beberapa orang penduduk kampung ini telah mengambil kesempatan daripada kemudahan untuk membuat pinjaman bagi membersihkan tanah mereka untuk dijadikan sawah padi.

Berdasar soal-selidik yang dijalankan kepada 50 responden didapati 100% penduduk kampung ini menyokong program-program yang dijalankan oleh mereka kerana mereka berpendapat ia banyak memberi manfaat kepada penduduk di kampung ini.

4.2.7 Taraf Hidup

Daripada kajian dan pemerhatian yang dijalankan didapati kebanyakan penduduk di kampung ini mempunyai taraf hidup yang sederhana. Ini berdasarkan daripada pendapatan mereka yang sebahagian besarnya berpendapatan di antara RM251.00 hingga RM500.00 iaitu sebanyak 34 responden (68%). Manakala 2 responden (4%) berpendapatan kurang dari RM250.00. Manakala golongan yang berpendapatan di antara RM501.00 hingga RM750.00 adalah sebanyak 11 responden (22%), RM751.00 hingga RM1000.00 sebanyak 2 responden (4%) dan akhirnya melebihi RM1001.00 sebanyak 2 responden (4%).

Selain daripada itu tahap pengambilan makanan mereka dalam seminggu juga mendapati 100% daripada responden mengambil makanan yang terdiri daripada daging, sayur dan ikan dalam seminggu. Ini menunjukkan mereka tidak mempunyai masalah berkaitan dengan zat makanan kerana makanan adalah mencukupi untuk mereka. Keadaan hidup mereka juga lebih baik dan selesa berbanding dengan masa lalu. Boleh dikatakan kesemua penduduk mempunyai peralatan elektrik di rumah mereka. Begitu juga dengan basikal dan motorsikal.

Menurut Encik Kim Lai a/l Endin Ki, Pengerusi JKKK Kampung Tanjung, beliau berpendapat taraf hidup penduduk keturunan Siam di kampung ini adalah lebih baik dan agak memuaskan berbanding dengan penduduk keturunan Siam di kawasan sekitarnya seperti di Kampung Tanah Merah, Kampung Lampam, Kampung Naka, Kampung Padang

Sanai, Kampung Lamdin dan Kampung Rambai. Ini kerana mengikut beliau kebanyakan keturunan Siam di kampung ini mampu berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. Tambahan pula mereka yang dikategorikan sebagai miskin telah mendapat bantuan daripada kerajaan seperti rumah PPRT, bantuan kewangan dan bantuan barangan keperluan harian. Menurut beliau lagi punca utama peningkatan taraf hidup penduduk di kampung ini ialah kerana kesedaran yang wujud pada penduduk kampung ini sendiri seperti sedar tentang betapa pentingnya pendidikan kepada anak-anak mereka, rajin berusaha dan banyak peluang-peluang pekerjaan yang wujud di sekitar kampung ini seperti di Syarikat Gula Padang Terap Sdn Bhd dan Pusat Peranginan Pedu Lake Resort. Penanaman padi dua kali setahun yang dilaksanakan sejak tahun 1980an juga menyebabkan peningkatan dalam pendapatan pesawah padi yang merupakan golongan majoriti kampung ini.

4.3 Keputusan kajian

Data dianalisis dengan menggunakan SAS bagi mendapat kadar dan peratusan tertentu berdasarkan objektif kajian. Bagi memperkuat lagi hasil kajian, penyelidik akan menggunakan pendekatan statistik dan ekonometrik khususnya dalam memperjelaskan pembolehubah bersandar (dependent variable) iaitu pendapatan dengan pembolehubah bebas (independent variables) yang mempengaruhi jumlah pendapatan ketua isirumah.

Di antara pembolehubah-pembolehubah yang dihipotesiskan mempunyai pengaruh signifikan terhadap pendapatan ketua isirumah ialah tersenarai di bawah:

- 1. Jantina**

2. Tahap pendidikan
3. Taraf pekerjaan
4. Umur
5. Keluasan tanah pertanian yang dimiliki

Anggaran model pendapatan yang digunakan bagi tujuan ini ialah model ekonometrik yang dispesifikasikan seperti di bawah:

$$Y_i = \beta_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + U_i$$

apabila

Y = Pendapatan

X_2 = Jantina responden

X_3 = Tahap pendidikan responden

X_4 = Jenis pekerjaan

X_5 = Umur

X_6 = Keluasan tanah yang dimiliki

U_i = Ralat

Jadi model teranggar adalah seperti di bawah:

$$Y = 485.65 + 58.02X_2 + 95.89X_3 - 372.97X_4 + 1.95X_5 + 54.79X_6$$

(2.949) (3.347) (7.690) (2.698) (4.037)

Berdasarkan hasil regrasi didapati hasil kajian ke atas faktor jantina , ia menunjukkan kesan positif. Ini menunjukkan responden laki-laki memperolehi pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan responden wanita. Daripada 50 responden yang dikaji, kesemua responden wanita iaitu seramai 8 orang adalah mereka yang terdiri daripada ibu tunggal

samada yang telah dicerai oleh suami atau kematian suami. Mereka ini tergolong dalam kategori miskin atau termiskin dan kebanyakannya bergantung kepada bantuan kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pemberian anak-anak yang telah bekerja.

Faktor tahap pendidikan juga menunjukkan kesan positif ke atas pendapatan ketua isirumah. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan tahap pendidikan kepada dua kategori iaitu tidak bersekolah dan bersekolah. Daripada hasil regresi didapati mereka yang bersekolah cenderung mendapat pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak mendapat sebarang pendidikan. Ini kerana kebanyakan mereka yang berkelulusan sekolah rendah atau menengah bekerja di sektor bukan pertanian terutama dengan pihak swasta dan kerajaan. Mereka juga mengusahakan sawah padi sebagai pekerjaan sampingan untuk menambahkan pendapatan.

Pengkaji juga membahagikan taraf pekerjaan kepada dua kategori iaitu pertanian dan bukan pertanian. Daripada hasil regresi nilai yang diperolehi ialah -372.97 untuk pertanian iaitu kesan yang negatif. Ini menunjukkan mereka yang bekerja di sektor pertanian mempunyai pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang bekerja di sektor bukan pertanian. Ini kerana kebanyakan mereka yang mengusahakan pertanian, keluasan tanah adalah tidak ekonomik dan saiz tanah yang kecil kesan daripada pembahagian tanah pusaka. Tambahan pula tiada kemudahan pengairan dan ini terdedah kepada kemarau berpanjangan yang mengakibatkan padi mereka kekeringan. Selain daripada itu kos penanaman yang semakin meningkat telah menyebabkan keuntungan yang diperolehi semakin berkurangan. Bagi mereka yang bekerja di sektor bukan pertanian

terutamanya di sektor swasta, mereka ini mendapat pendapatan tetap dan lebih tinggi berbanding pendapatan yang diperolehi di sektor pertanian.

Selain daripada itu faktor umur juga menunjukkan kesan positif terhadap pendapatan ketua isirumah. Hasil regresi menunjukkan semakin tinggi umur ketua isirumah semakin meningkat pendapatan mereka. Ini kerana kebanyakan mereka yang telah berumur, mendapat pendapatan sampingan hasil dari pemberian anak-anak mereka telah bekerja samada sebagai kakitangan kerajaan ataupun swasta.

Bagi faktor keluasan tanah pertanian yang dimiliki, ia juga menunjukkan kesan yang positif ke atas pendapatan seseorang ketua isirumah. Semakin banyak keluasan tanah pertanian yang dimiliki, semakin tinggi pendapatan yang mereka perolehi. Daripada 50 responden yang diselidiki, didapati kebanyakannya mempunyai keluasan tanah yang agak kecil dan tidak ekonomik.

Sementara itu ujian t dilakukan untuk menguji sama ada X_2, X_3, X_4, X_5 dan X_6 mempengaruhi Y ataupun memberi kesan individual terhadap Y. Ia juga dilakukan untuk menentukan samada model yang digunakan signifikan atau tidak.

Daripada keputusan ujian t yang diperolehi, parameter $\beta_1, \beta_2, \beta_3, \beta_4$ dan β_5 menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pendapatan ketua isirumah. Nilai t genting daripada jadual t ialah 1.684. Manakala nilai ujian t bagi setiap parameter ditunjukkan dalam kurungan. Ini menunjukkan perubahan dalam pendapatan ketua

isirumah dapat diterangkan dengan jelas oleh perubahan dalam jantina, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, umur dan keluasan tanah yang dimiliki oleh responden. Misalnya bagi pembolehubah jantina, nilai yang diperolehi adalah 2.949. Oleh itu ianya signifikan terhadap pendapatan ketua isirumah. Ini bermakna perubahan dalam jantina responden sebanyak 1% akan menyebabkan pendapatan ketua isirumah berubah sebanyak 2.949%.

Manakala taraf pendidikan pula nilai yang diperolehi ialah 3.347. Ini juga menunjukkan hubungan yang signifikan di antara taraf pendidikan dengan pendapatan ketua isirumah. Jadi perubahan dalam taraf pendidikan sebanyak 1% peratus juga mengakibatkan berlaku perubahan dalam pendapatan ketua isirumah sebanyak 3.347%. Dari segi taraf pekerjaan pula, nilai yang diperolehi ialah 7.690. Ini menunjukkan hubungan yang signifikan di antara taraf pekerjaan dengan pendapatan ketua isirumah. Berdasarkan nilai yang diperolehi, perubahan dalam taraf pekerjaan sebanyak 1% akan menyebabkan pendapatan ketua isirumah berubah sebanyak 7.690%.

Umur juga menunjukkan hubungan yang signifikan di mana nilai yang diperolehi ialah 2.698. Ini menunjukkan perubahan dalam umur responden sebanyak 1% maka pendapatan mereka turut berubah sebanyak 2.698%. Akhirnya keluasan tanah pertanian juga menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pendapatan ketua isirumah. Nilai yang diperolehi ialah 4.037. Oleh itu perubahan dalam keluasan tanah pertanian sebanyak 1% akan menyebabkan pendapatan ketua isirumah berubah sebanyak 4.037%.

Nilai R-square yang diperoleh juga agak tinggi yaitu 0.6538. Ini menunjukkan 0.6538 variasi dalam Y dapat diterangkan oleh pembolehubah X dalam model. Manakala nilai ujian F yang diperoleh daripada model ialah 13.532. Oleh itu model ini adalah signifikan, di mana pembolehubah X dapat menerangkan perubahan di dalam pembolehubah Y.

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.1 Rumusan kajian

Kampung Tanjung adalah perkampungan yang menjalankan kegiatan penanaman padi sebagai aktiviti utama. Daripada 50 responden yang dikaji di kawasan kajian, kira-kira 31 responden atau 62% merupakan penanam padi, manakala 5 responden atau 10% merupakan pekebun getah. Jadi berdasarkan jumlah itu boleh dirumuskan bahawa sebahagian besar penduduk kampung ini menjalankan kegiatan pertanian sebagai pekerjaan utama mereka. Ini kerana kesemua penduduk yang menjalankan kegiatan pertanian hanya melibatkan diri dalam penanaman padi dan getah. Kegiatan pertanian yang lain seperti tanaman sayur-sayuran, dusun buah-buahan dan penternakan dilakukan secara sampingan.

Berdasarkan penglibatan sebahagian besar penduduk dalam bidang pertanian, maka masalah kemiskinan di kalangan penduduk juga wujud dalam kampung ini. Tetapi bilangan yang dikategorikan sebagai miskin dan termiskin adalah kecil berbanding dengan golongan berpendapatan sederhana. Daripada hasil kajian ke atas 50 responden didapati mereka yang tergolong dalam kategori miskin ialah 8 responden (16%), manakala yang termiskin ialah 2 responden (4%). Oleh itu keseluruhan yang tergolong dalam kategori miskin dan termiskin ialah seramai 10 responden atau 20%.

Dari segi pendapatan ketua isi rumah pula didapati hasil daripada kajian yang dijalankan ke atas 50 responden yang dipilih, pendapatan purata bulanan yang diperolehi ialah RM550.00. Kemiskinan di Malaysia diukur berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK ini mengambil kira keperluan minimum untuk makanan, pakaian dan tempat tinggal serta perbelanjaan lain yang perlu untuk mengekalkan sesebuah isirumah dalam keadaan hidup yang selesa. Kadar kemiskinan dianggarkan secara mengira bilangan isirumah yang mempunyai pendapatan di bawah Garis Kemiskinan sebagai peratusan daripada bilangan isirumah keseluruhan. Di Semenanjung PGK ialah sebanyak RM405.00 sebulan bagi saiz isirumah 4.8 orang. Jadi berdasarkan PGK ini maka ia meletakkan penduduk kampung ini dalam kategori pendapatan sederhana secara keseluruhannya. Ini kerana sebahagian besar mereka berpendapatan melebihi PGK ini dan jumlah ahli isirumah secara purata ialah 6 orang dalam sesebuah keluarga.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan mereka yang terlibat dalam kegiatan pertanian cenderung mendapat pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang bekerja di sektor bukan pertanian seperti pekerja swasta, kerajaan dan berniaga. Purata pendapatan bulanan yang diterima oleh mereka yang terlibat dalam sektor pertanian ialah RM480.00. Manakala mereka yang bekerja di sektor bukan pertanian ialah RM620.00. Daripada kajian yang dijalankan kesemua mereka yang miskin dan termiskin adalah mereka yang terlibat dalam sektor pertanian terutama dalam kegiatan penanaman padi.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pendapatan yang diterima oleh seseorang ketua isirumah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti umur, jantina, taraf pendidikan dan keluasan tanah pertanian yang dimiliki. Tetapi faktor yang paling ketara mempengaruhi pendapatan seseorang ketua isirumah selain daripada faktor jenis pekerjaan ialah faktor keluasan tanah pertanian yang dimiliki. Dari kajian yang dijalankan didapati kesemua responden mempunyai keluasan tanah kurang daripada 10 ekar. Manakala 28 responden (56%) mempunyai keluasan tanah di antara 2 hingga 4 ekar. Ini menunjukkan sebahagian besar daripada penduduk mempunyai saiz tanah yang tidak ekonomik untuk diusahakan serta hasil yang diperolehi adalah rendah. Keadaan inilah yang mendorong kepada wujudnya kemiskinan di kampung ini.

Manakala faktor jantina, taraf pendidikan dan umur responden walaupun turut mempengaruhi pendapatan ketua isirumah tetapi kesannya adalah kecil berbanding dengan faktor jenis pekerjaan dan keluasan tanah pertanian yang dimiliki. Kebanyakan ketua isirumah yang lanjut usianya mempunyai anak-anak yang bekerja di sektor bukan pertanian dan memberi bantuan kewangan bulanan. Golongan ini, tidak begitu bergantung hidup kepada pendapatan hasil pertanian. Bagi mereka bertani hanyalah merupakan pekerjaan sampingan sahaja. Sikap sedemikian menyebabkan terjadinya daya pengeluaran yang rendah dan kos purata yang tinggi.

Selain daripada itu terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi pendapatan ketua isirumah di kawasan kajian iaitu keadaan cuaca dan faktor alam semula jadi. Cuaca yang tidak menentu seperti kemarau yang berpanjangan, banjir, serangan serangga perosak

dan kesuburan tanah pertanian turut mempengaruhi hasil pengeluaran pertanian terutamanya kepada penanam padi. Ini kerana kawasan kajian hanya bergantung kepada air hujan untuk menjalankan kegiatan pertanian mereka. Kekurangan modal untuk membeli benih-benih yang bermutu, baja, racun rumpai dan racun serangga perosak juga menyumbang kepada kurangnya hasil yang diperolehi oleh petani-petani di kawasan kajian. Tambahan pula kos membajak, menuai dan upah meracun semakin meningkat setiap tahun.

Bagi pekebun getah pula harga getah adalah tidak menentu iaitu sentiasa mengalami kenaikan dan penurunan harga. Ini menyebabkan pendapatan mereka tidak menentu. Tambahan pula kebun getah mereka bersaiz kecil dan tidak ekonomik. Kebanyakannya telah mencapai umur tua dan perlu ditanam semula.

Namun dengan pelbagai program yang dijalankan oleh kerajaan dan kemudahan infrastruktur yang agak sempurna, didapati taraf hidup penduduk kampung ini adalah lebih baik berbanding dengan penduduk di kawasan sekitarnya. Hampir kesemua penduduk di kampung ini mendapat faedah daripada pembangunan pesat negara. Mereka mempunyai pelbagai alatan elektrik di rumah serta sekurang-kurangnya sebuah motorsikal sebagai pengangkutan. Di kampung ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti mini tar, jalan raya, balai raya, balai polis, klinik, sekolah dan sebagainya. Kemajuan pendidikan di kalangan kanak-kanak dan remaja juga tidak ketinggalan berbanding kawasan yang lain kerana ada di antara mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dan berjaya menjawat jawatan penting dalam sektor kerajaan dan swasta.

Perubahan sosioekonomi masyarakat Siam di Kampung Tanjung banyak berlaku secara tidak langsung. Dengan adanya perhubungan mereka dengan masyarakat luar yang lebih maju seperti masyarakat bandar, nilai dan sikap mereka mula dipengaruhi dengan nilai-nilai yang lebih moden. Melalui sekolah anak-anak kampung dapat belajar perkara-perkara baru yang tidak ada pada keluarga masing-masing. Mereka mempunyai pelajaran formal dan mudah terpengaruh dengan unsur-unsur moden. Dalam banyak hal, mereka lebih terbuka dan sanggup bekerja di luar untuk mendapatkan wang. Oleh kerana pekerjaan mereka tidak terhad di kampung, maka kahwin campur sering berlaku. Mereka terdedah dengan pengaruh masyarakat luar daripada masyarakat Siam.

5.2 Cadangan dan Implikasi Dasar

Masalah kemiskinan tetap menjadi persoalan utama oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan sosioekonomi negara. Kemiskinan di Malaysia biasanya menghubungkan penduduk luar bandar dengan kawasan penempatan mereka. Di luar bandar, golongan miskin terdiri daripada mereka yang bekerja dalam sektor pertanian seperti menanam padi, getah, kelapa dan menangkap ikan.

Golongan termiskin dan miskin wujud disebabkan beberapa faktor termasuklah saiz isirumah secara relatif lebih besar, umur ketua isirumah yang sudah lanjut, ketiadaan pendapatan sampingan dan sumber pendapatan yang lain oleh ketua isirumah serta bilangan ahli isirumah yang tidak bekerja adalah besar. Taraf pendidikan yang rendah, hasil pertanian yang tidak memuaskan serta harga dan upah yang tidak berpatutan telah

memburukkan lagi insidens kemiskinan dan ketidaksetaraan agihan pendapatan penduduk luar bandar walaupun keadaan ini tidak begitu jelas di kawasan kajian.

Umumnya fenomena kemiskinan di kalangan masyarakat Siam di kampung ini melibatkan pelbagai jenis faktor dalaman dan luaran. Oleh itu cara-cara mengatasinya perlulah secara menyeluruh iaitu tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal atau ekonomi sahaja. Jelasnya pembangunan manusia itu sendiri samada dari segi rohani mahupun jasmani tidak boleh diabaikan. Semua pihak yang terlibat perlu mengadakan perubahan nilai dan sikap untuk benar-benar mencapai kejayaan dalam apa jua program yang melibatkan pembasmian kemiskinan.

Pembangunan manusia yang berjaya akan melahirkan masyarakat bersikap dan bernilai positif serta mampu menangani apa jua masalah dan cabaran yang bakal dihadapi. Strategi pembangunan manusia mestilah melibatkan aspek pembaikan kemudahan pendidikan, pemberian latihan dan kemahiran kepada penduduk supaya mereka dapat bersedia untuk memasuki bidang pekerjaan yang memerlukan kemahiran dan tingkat daya pengeluaran yang tinggi.

Peluang pendidikan dan latihan yang bermutu sepatutnya menjadi satu program utama untuk mencapai matlamat pembasmian kemiskinan di luar bandar dalam jangka panjang. Pembekalan guru-guru yang terbaik, kemudahan pusat sumber yang lengkap serta program asrama desa dengan latihan kerjaya yang teratur adalah antara langkah-langkah yang perlu

diwujudkan dalam program yang melibatkan golongan termiskin dan miskin di kalangan masyarakat Siam ini.

Institusi-institusi latihan yang berkaitan adalah sangat perlu untuk memindahkan kemudahan kemahiran ke luar bandar melalui kemudahan kemahiran sepenuh masa atau sambil bekerja . Jenis latihan yang disediakan mestilah mengambil kira taraf pendidikan mereka dan dipelbagaikan menurut kesesuaian dengan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan.

Selain daripada itu, pihak swasta juga patut melibatkan diri secara aktif, jujur dengan penuh rasa bertanggungjawab untuk memberi latihan sambil bekerja serta menjamin pekerjaan yang tetap di syarikat tempat mereka bekerja atau syarikat-syarikat lain. Penglibatan pihak swasta ini boleh mengurangkan pergantungan kepada kerajaan secara beransur-ansur.

Untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi oleh golongan miskin dan termiskin di kampung ini, strategi menambah pendapatan juga adalah penting selain strategi pembangunan manusia di atas. Di antara langkah-langkah yang perlu diadakan di bawah strategi ini ialah mempelbagaikan sumber pendapatan isirumah dengan menyediakan pekerjaan sampingan kepada ahli isirumah yang tidak bekerja, meningkatkan daya pengeluaran petani melalui kaedah perladangan yang lebih cekap dengan hasil pertanian yang bermutu seperti mini estet padi atau getah berkelompok, membawa sektor bukan pertanian yang moden ke luar bandar dengan keutamaan peluang pekerjaan diberikan

kepada golongan miskin dan termiskin ini, menstabilkan harga keluaran pertanian serta pemberian upah yang setimpal.

Untuk mempelbagaikan sumber pendapatan isirumah, pihak tertentu termasuklah KEMAS, persatuan belia dan JKKK perlu bersama-sama mengadakan pelbagai latihan dan bengkel seperti keusahawanan, kraftangan dan kemahiran kepada golongan miskin atau termiskin. Setiap kegiatan yang dijalankan hendaklah secara menyeluruh dan diawasi perjalanannya dari masa ke semasa supaya keberkesanan yang memberangsangkan dapat diwujudkan.

Dalam membasmi kemiskinan, golongan tua dan golongan yang sudah lanjut usia tidak boleh di pandang ringan. Satu projek kebajikan perlu diadakan untuk membantu mereka dalam kehidupan seharian. Mereka yang tinggal berseorangan digalakkan tinggal bersama-sama dengan orang tua senasib dengan mereka dan satu kegiatan harus diwujudkan untuk mereka membuat perkara-perkara yang berfaedah dan boleh mendatangkan hasil untuk diri mereka dan masyarakat.

Masalah kemiskinan yang dihadapi oleh sebahagian penduduk luar bandar terutama golongan Siam juga memaparkan sikap mereka yang tidak berusaha untuk memajukan diri dan merancang masa depan. Dengan keluasan tanah yang mereka miliki seharusnya boleh memberi pendapatan yang mencukupi jika diusahakan dengan betul. Selain daripada itu peluang untuk menambahkan pendapatan juga terbuka luas dengan menjalankan aktiviti ekonomi sampingan. Secara amnya, mereka hanya menghabiskan masa di sebelah pagi

sahaja di sawah dan kebun mereka. Dalam pada itu pendapatan dari sawah padi dan kebun mereka juga tidak menentu. Misalnya bagi golongan pesawah, hasil keluaran mereka dalam bergantung kepada faktor alam semulajadi seperti kemarau, banjir, serangan penyakit padi dan serangga perosak. Manakala bagi pekebun getah pula turun naik harga pasaran adalah antara faktor yang mempengaruhi pendapatan mereka. Selain daripada itu, penggantian getah asli kepada getah tiruan juga mempengaruhi permintaan terhadap getah. Ini seterusnya mempengaruhi pula harga getah.

Akhirnya, kerjasama di antara kerajaan dengan masyarakat itu sendiri perlu dipergiatkan dalam menangani masalah kemiskinan dan mempertingkatkan lagi taraf hidup masyarakat Siam di kampung ini. Campur tangan kerajaan dalam menentukan harga hasil pertanian serta pemberian insentif tertentu merupakan faktor utama yang boleh menentukan kemapanan pengeluaran komoditi pertanian. Tanpa struktur harga yang menarik, petani atau pekebun mungkin tidak berminat untuk mempertingkatkan hasil pertanian mereka. Di pihak masyarakat pula mereka mesti mempunyai ciri-ciri berdaya maju, rajin, berusaha dan tidak hanya bergantung kepada bantuan kerajaan sahaja. Mereka mestilah berdikari dalam usaha memajukan diri sendiri dan keluarga mereka.

RUJUKAN

Ahmad Mahdzan Ayob (1991). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Boon Seen a/l St. Lai (1988). *Pemilikan tanah di kalangan kaum minoriti Thai: antara realiti dan dilema. Satu kajian kes di Kampung Titi Akar, daerah Pendang, Kedah*. Latihan Ilmiah. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. UKM Bangi, Selangor.

Syed Husin Ali (1977). *Masyarakat dan kepimpinan kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.

Yoneo Ishii (1993). *Sejarah Sangha Thai : Hubungan Buddhisme dengan negara dan Masyarakat*. Terj. Bangi: UKM.

Che Rosli Hassan (1989). *Perubahan sosio-ekonomi komuniti Siam. Satu kajian kes di Semerak, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. UKM Bangi, Selangor.

Masyarakat Thai Malaysia (1993). *Memorandum: Permasalahan Masyarakat Thai Di Malaysia*. Wat Titi Akar. Pendang, Kedah. 3 April.

Siri Neng Buah (1998). *Seminar 1, masyarakat Siam Malaysia. Sejarah dan Citra Budaya*. Pulau Pinang. Pejabat Kebudayaan dan Kesenian.

Kobkua Suwannathat-Pian Dr. (1991). *Sejarah Thai Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Malik Ismail (1995). *Tranformasi Ekonomi: Isu, Masalah dan Kesan Terhadap Sektor Pertanian*. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Reformasi Pertanian*, UKM-PETA, 25-26 Oktober.

Chamhuri Siwar (1991). *Pembasmian Kemiskinan Dalam Jangka Masa DEB: Beberapa Isu dan Masalah*, dlm. Khadijah Muhamed dan Halimah Awang (pnyt.), *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Shaari (1992). *National Agricultural Policy, Rural Poverty and Income In-equalities: A Critical Evaluation*, *The Malaysians Journal of Agricultural Economics*: 1-28.

Joma K.S. (1990). *Growth and structural Change in the Malaysian Economy*, London: The Macmillan Press.

Mohd Shukri Abdullah (1992). *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ozay Mehmet (1987). *Pagar Makan Padi! Amanah, Kemiskinan dan Kekayaan di Bawah Dasar Ekonomi Baru*. Kuala Lumpur: INSAN.

Zulkify Mustafa (1988). *Pembangunan Desa, Kemiskinan dan Ketaksamaan*, dlm Chamhuri Siwar dan Haflah Pie (eds.). *Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Ibrahim Ismail (1987). *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Universiti Utara Malaysia. Percetakan Season Sdn Bhd.

Abdul Rahim Annuar, Khulida Kirana Yahya (1994). *Prosiding Seminar Struktur Negeri Kedah*. Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

Jabatan Pertanian Kedah (2000). *Taklimat Pengeluaran Makanan Negeri Kedah Darul Aman*.

Jabatan Pertanian Negeri Kedah (2000). *Kertas Kerja Ke arah Pertanian yang moden Dan Komersial*.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (1997). *Rancangan Pembangunan Daerah Pejabat Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman*.

Pejabat Daerah Padang Terap (1996). *Nota Taklimat Pembangunan Daerah Padang Terap*.

Pejabat Penghulu Mukim Pedu (2000). *Laporan Tahunan Mukim Pedu, Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman*.

Asan Ali Golam Hassan, Hassan Ali (1998). *Migrasi Keluar Di Tanah Rancangan. Kesannya Terhadap Demografi dan Sosioekonomi Masyarakat Felda*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.

Asan Ali Golam Hassan, Mahani Mohd @ Mamat, Nor Al-Huda Abdul Karim, Hassan Ali (1999). *Kemiskinan & Agihan Pendapatan di Tanah Rancangan Felda*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.

Temubual dengan Phor Than Prom Sirithammo, Ketua Sami Wat Kampung Tanjung.

Temubual dengan Encik Kim Lai a/ Endin Ki, Pengerusi JKKK Kampung Tanjung.


Temubual dengan Encik Roslan Bin Bakar, Pegawai Risda, Pejabat Risda Kuala Nerang.

Temubual dengan Encik Abdul Ghafar Bin Ahamad. Penghulu Mukim Pedu.

Temubual dengan Senator Dato' Charen Inthachat, Wakil Masyarakat Siam ke Parlimen.


Temubual dengan Tuan Haji Zainol Abidin Bin Haji Wan Chik, Pegawai Pertanian,
Pejabat Pertanian Kuala Nerang.

Lampiran




**PETA DAERAH
KEDAH DARUL AMAN**

DAERAH PADANG TERAP




Lokasi Kampung Tanjung di Daerah Padang Terap



 Tempat Kajian

LAMPIRAN
SIJIL DHAMMA



มณฑลพายัพ
วัดพระบรมธาตุ

ที่ / ๒๕๓๕

สมเด็จพระสังฆราช สกลมหาสังฆปริณายก

โปรดให้มีการสอบพระปริยัติธรรมสนามหลวง

นางสาวกมล อายุ ๑๗ ปี
วัด บุญญาวาส จังหวัด กรุงเทพมหานคร


สอบได้เปรียญศึกษาศาสนาตรี


พุทธศักราช ๒๕๓๕

จึงให้ประกาศนียบัตรฉบับนี้เป็นสำคัญ

ขอให้เจริญในธรรมเป็นนิรันดร์ เทอญ

ให้ไว้ ณ วันที่ ๗ เดือน มีนาคม พุทธศักราช ๒๕๓๖





Penanaman Padi: Kegiatan pertanian utama penduduk Kampung Tanjung.



Menoreh Getah: Kegiatan pertanian kedua terpenting.



كردان نكر قبح ذرا الإبتان
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG

TELEFON

Tanjong Thai, Pedu.

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : 10.07.2000

Kim Lai S/O Endin Ki
Pengerusi,
JKKK Kampung Tanjong Thai,
Hukim Pedu,
06300 Kuala Nerang,
Kedah Darul Aman.

Kepada,

Prof.Dato'. Dr. Haji Othman Bin Haji Ishak
EXCO Pendidikan dan Pembangunan Usahawan.

Perkara: Permohonan Projek Di Kampung Tanjong Thai, Mukim Pedu.

Saya seperti nama dan alamat di atas, memohon kerjasama Prof.Dato'.Dr. supaya dapat membekalkan projek seperti berikut:-

1. Kelas Perpaduan Rakyat (Tabika) 1 kelas.
2. Pagar dan bilik air Dewan Kg.Tanjong Thai. Anggaran RM: 20,000.00
3. Rumah Wakaf Kubur. Anggaran RM: 20,000.00
4. Dewan belajar bahasa Thai, di Wat Pedu. Anggaran RM: 80,000.00
5. Peralatan rumah kenduri:
 - a. Kemah
 - b. Meja
 - c. KerusiAnggaran RM: 10,000.00
6. Satu set peralatan musik. Anggaran RM: 15,000.00

Sekian, atas kerjasama Prof,Dato'.Dr. saya ucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

(Pengerusi)
JKKK Kg.Tanjong Thai, Pedu.

**SEKOLAH EKONOMI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Kertas Soal Selidik

Tajuk: Kajian sosio ekonomi masyarakat keturunan Siam di Kampung Tanjung, Mukim Pedu, Padang Terap, Kedah Darul Aman.

Saya memohon kerjasama tuan/puan untuk melengkapkan soal selidik ini. Cuma tandakan (/) di ruang yang disediakan. Kerja sama tuan/puan amat saya hargai dan didahului dengan ucapan berbilang terima kasih. Segala maklumat dianggap sulit dan untuk tujuan penyelidikan ini sahaja.

Soalan Soal selidik

Bahagian A: Latar Belakang Ketua Isirumah.

1. Umur ketua isirumah
 1. Kurang daripada 20 tahun ()
 2. 21 hingga 30 tahun ()
 3. 31 hingga 40 tahun ()
 4. 41 hingga 51 tahun ()
 5. Lebih daripada 51 tahun ()

2. Keturunan
 1. Melayu ()
 2. Cina ()
 3. India ()
 4. Siam ()
 5. Lain-lain ()Nyatakan.....

3. Agama
 1. Islam ()
 2. Buddha ()
 3. Hindu ()
 4. Kristian ()
 5. Lain-lain ()Nyatakan.....

4. Status perkahwinan
 1. Bujang ()
 2. Berkahwin ()
 3. Duda ()
 4. Janda ()

5. Adakah anda penduduk asal kampung ini ?

1. Ya ()
2. Tidak ()

6. Bilangan ahli isi rumah (ahli keluarga)

1. Kurang daripada 3 orang ()
2. 4 - 6 orang ()
3. 7 - 9 orang ()
4. 10 - 12 orang ()
5. Lebih daripada 13 orang ()

Bahagian B: Rumah dan kemudahan Asas

7. Jenis rumah

1. Banglo ()
2. Kampung ()
3. Berkembar ()
4. Teres ()
5. Pondok ()
6. Rumah PPRT ()
7. Lain-lain ()

Nyatakan.....

8. Kegunaan

1. Kediaman ()
2. Kediaman dan perniagaan ()
3. Kediaman dan perusahaan ()
4. Perniagaan sahaja ()
5. Perusahaan sahaja ()

9. Taraf pemilikan tapak rumah

1. Milik sendiri ()
2. Majikan ()
3. Sewa ()
4. Tumpang tanah kerajaan ()
5. Tumpang tanah orang ()
6. Wakaf ()

10. Taraf pemilikan rumah

1. Milik sendiri ()
2. Majikan ()
3. Sewa ()
4. Tumpang rumah kerajaan ()
5. Tumpang rumah orang ()

11. Keadaan rumah
1. Baik ()
 2. Sederhana ()
 3. Buruk ()

12. Bekalan air
1. Air paip sendiri ()
 2. Air paip awam ()
 3. Air perigi ()
 4. Sungai ()
 5. Parit/terusan ()
 6. Lain-lain ()
- Nyatakan.....

13. Bekalan tenaga elektrik
1. Tiada elektrik ()
 2. Bekalan TNB ()
 3. Generator ()
 4. Bateri ()

14. Bekalan Telefon
1. Tiada telefon ()
 2. Telefon ()
 3. Telefon Bimbit ()
 4. Lain-lain ()
- Nyatakan.....

15. Tandas
1. Pam ()
 2. Curah ()
 3. Sungai ()

Bahagian C: Pekerjaan, Pendapatan, Perbelanjaan dan Pendidikan.

16. Taraf pekerjaan ketua isirumah
1. Bekerja ()
 2. Tidak bekerja ()

17. Jenis pekerjaan
1. Kerajaan ()
 2. Berniaga ()
 3. Kilang ()
 4. Buruh kasar ()
 5. Penoreh Getah ()
 6. Pesawah Padi ()
 7. Lain-lain ()
- Nyatakan.....

18. Sumber pendapatan lain
1. Tiada ()
 2. Isteri ()
 3. Anak ()
 4. Pencen ()
 5. Lain-lain ()
- Nyatakan.....
19. Pendapatan bulanan ketua isirumah
1. Kurang daripada RM250 ()
 2. RM251 - RM500 ()
 3. RM501 - RM750 ()
 4. RM751 - RM1000 ()
 5. Lebih daripada RM1000 ()
20. Pendapatan isirumah
1. Kurang daripada RM250 ()
 2. RM251 - RM500 ()
 3. RM501 - RM750 ()
 4. RM751 - RM1000 ()
 5. Lebih daripada RM1001 ()
21. Jumlah anggaran perbelanjaan bulanan
1. Kurang daripada RM200 ()
 2. RM201 - RM300 ()
 3. RM301 - RM400 ()
 4. RM401 - RM500 ()
 5. Lebih daripada RM500 ()
22. Kekerapan mengambil makanan dalam seminggu
1. Daging, ikan dan sayur ()
 2. Daging dan sayur ()
 3. Ikan dan sayur ()
23. Di manakah anda dan ahli keluarga selalu mendapat rawatan
1. Rawatan tradisional ()
 2. Pusat kesihatan kecil ()
 3. Hospital daerah ()
 4. Hospital Besar ()
 5. Klinik swasta ()
25. Taraf pendidikan ketua isi rumah
1. Tidak bersekolah ()
 2. Sekolah rendah ()
 3. Sekolah menengah ()

- 4. Institusi Pengajian Tinggi ()
- 5. Lain-lain ()

Nyatakan.....

Bahagian D: Pemilikan Harta

24. Keluasan tanah yang dimiliki

- 1. Kurang dari 2 ekar ()
- 2. 2- 4 ekar ()
- 3. 4- 6 ekar ()
- 4. 6- 8 ekar ()
- 5. 8- 10 ekar ()
- 6. Lebih dari 10 ekar ()

25. Pemilikan tanah yang ada sekarang ini, anda miliki secara

- 1. Pusaka ()
- 2. Usaha sendiri ()
- 3. Beli ()
- 4. Sewa ()
- 5. Lain-lain ()

Nyatakan.....

26. Nyatakan penggunaan alatan elektrik dirumah yang digunakan

- 1. Televisyen ()
- 2. Peti sejuk ()
- 3. Radio / Kaset ()
- 4. Air conditioner ()
- 5. Periuk elektrik ()
- 6. Mesin basuh ()
- 7. Kusyen ()
- 8. Lain-lain ()

Nyatakan.....

27. Kenderaan yang anda gunakan sekarang

- 1. Tiada ()
- 2. Basikal ()
- 3. Motosikal ()
- 4. Kereta ()
- 5. Lain-lain ()

Nyatakan.....

**28. Bilangan ahli keluarga yang sepatutnya bekerja tetapi tidak bekerja
.....orang.**

29. Adakah anda pernah mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh kerajaan yang berkaitan dengan pekerjaan anda.

- 1. Ya ()

2. Tidak

()

Jika ya

1. Nama kursus.....

2. Tujuan kursus.....
.....

30. Pendapat anda tentang peranan kerajaan dalam membantu program pembangunan di kampung anda.

.....
.....
.....
.....
.....

Terima kasih.